

## PERJANJIAN LESEN NORTON

**PENTING:** SILA BACA TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN LESEN INI (“PERJANJIAN LESEN”) DENGAN TELITI SEBELUM MENGGUNAKAN PERISIAN (SEPERTI DITAKRIF DI BAWAH). SYMANTEC CORPORATION DAN/ATAU AHLI GABUNGANNYA YANG MERUPAKAN PEMEGANG LESEN (“SYMANTEC”) YANG DIBERI KUASA BERSEBIA MELESENKAN PERISIAN ITU KEPADA ANDA SEBAGAI INDIVIDU, SYARIKAT, ATAU ENTITI SAH YANG AKAN MENGGUNAKAN PERISIAN TERSEBUT (DIRUJUK DI BAWAH SEBAGAI “ANDA”) HANYA DENGAN SYARAT BAHAWA ANDA MENERIMA SEMUA TERMA PERJANJIAN LESEN INI. INI ADALAH KONTRAK SAH DAN BOLEH DIKUATKUASAKAN ANTARA ANDA DAN SYMANTEC. DENGAN MEMBUKA PAKEJ INI, MEMECAHKAN METERAI, MENKLIK BUTANG “SAYA SETUJU” ATAU “YA” ATAU SEBALIKNYA MENUNJUKKAN PERSETUJUAN SECARA ELEKTRONIK, ATAU MEMUATKAN PERISIAN ATAU SEBALIKNYA MENGGUNAKAN PERISIAN, ANDA BERSETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN LESEN INI. JIKA ANDA TIDAK SETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT INI, KLIK BUTANG “BATAL” ATAU “TIDAK” ATAU “TUTUP TETINGKAP” ATAU JIKA TIDAK, NYATAKAN KEENGGANAN, TIDAK MENGGUNAKAN PERISIAN DAN PERKHIDMATAN LAGI, DAN HUBUNGI (i) VENDOR ANDA ATAU PERKHIDMATAN PELANGGAN SYMANTEC, MENGGUNAKAN BUTIRAN HUBUNGAN DALAM SEKSYEN 7 PERJANJIAN LESEN INI, UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TENTANG CARA MENDAPATKAN BAYARAN BALIK BAGI JUMLAH YANG TELAH ANDA BAYAR UNTUK TEMPOH LESEN SEMASA (DITAKRIFKAN DI BAWAH) (TOLAK KOS PENGHANTARAN, PENGENDALIAN, DAN APA-APA CUKAI YANG BERKENAAN KECUALI DI NEGERI DAN NEGARA TERTENTU YANG MANA KOS PENGHANTARAN, PENGENDALIAN, DAN CUKAI BOLEH DIBAYAR BALIK) PADA BILA-BILA MASA SEMASA TEMPOH ENAM PULUH (60) HARI BERIKUTAN TARIKH PEMBELIAN LANGGANAN TAHUNAN ATAU DALAM MASA TIGA PULUH (30) HARI BERIKUTAN TARIKH PEMBELIAN LANGGANAN BULANAN, ATAU (ii) PEMBEKAL PERKHIDMATAN ANDA (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DI BAWAH) UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TENTANG CARA MENDAPATKAN BAYARAN BALIK JIKA ANDA MENDAPAT PERISIAN INI DARIPADA PEMBEKAL ANDA.

### 1. Lesen:

Perisian dan dokumentasi, (termasuk sebarang pembungkusan produk) (“Dokumentasi”), yang mengiringi Perjanjian Lesen ini (secara kolektif “Perisian”) adalah harta Symantec atau pemberi lesennya, dan dilindungi oleh undang-undang hak cipta. Walaupun Symantec atau pemberi lesennya terus memiliki Perisian, selepas Anda menerima Perjanjian Lesen ini, Anda akan mempunyai hak tertentu untuk menggunakan Perisian semasa Tempoh Lesen (seperti yang ditakrifkan di bawah). Semua hak yang tidak diberikan dengan jelas kepada Anda dikekalkan oleh Symantec dan/atau pemberi lesennya. “Tempoh Lesen” akan bermula pada (a) tarikh pemasangan atau penggunaan pertama Perisian oleh Anda di komputer, persekitaran maya, peranti mudah alih atau peranti pengkomputeran mudah alih (“Peranti”), atau (b) tarikh anda telah menerima Perjanjian Lesen ini, atau (c) jika Anda membeli Perisian Anda daripada gedung dalam talian Norton, tarikh Anda melengkapkan pembelian anda, atau (d) jika Anda menerima Perisian sebagai sebahagian daripada tawaran berbilang produk, tarikh pembelian Anda untuk berbilang tawaran produk diselesaikan, atau (e) jika Anda memperoleh hak untuk menggunakan Perisian seperti yang diterangkan dalam Perjanjian Lesen ini daripada pembekal yang diberi kuasa oleh Symantec (“Pembekal”), tarikh yang ditentukan oleh Pembekal tersebut. Tempoh Lesen akan berakhir bagi tempoh masa seperti yang ditetapkan dalam Dokumentasi atau dokumentasi transaksi yang berkenaan daripada pengedar, penjual semula, atau Pembekal yang diberi kuasa yang Anda peroleh Perisian tersebut. Perisian boleh dinyahaktifkan secara automatik dan menjadi tidak beroperasi di penghujung Tempoh Perkhidmatan, dan Anda tidak berhak untuk menerima sebarang ciri atau kemas kini kandungan kepada Perisian melainkan Tempoh Perkhidmatan diperbaharui. Langganan untuk pembaharuan Tempoh Lesen akan (i) tersedia mengikut dasar sokongan Symantec yang disiarkan di [https://support.norton.com/sp/en/us/home/current/solutions/v74023230\\_EndUserProfile\\_en\\_us](https://support.norton.com/sp/en/us/home/current/solutions/v74023230_EndUserProfile_en_us) atau (ii) disediakan oleh Pembekal Anda mengikut dasar Pembekal tersebut, jika Anda memperoleh Perisian daripada Pembekal Perkhidmatan Anda.

Lesen ini menentukan sebarang keluaran, semakan, pengemaskinian atau peningkatan pada Perisian yang mungkin Symantec sediakan kepada Anda. Kecuali jika telah diubah suai oleh Dokumentasi, hak dan kewajipan Anda di bawah Perjanjian Lesen ini berhubung dengan penggunaan Perisian ini adalah seperti berikut.

Semasa Tempoh Perkhidmatan, Anda boleh:

- A. menggunakan satu salinan Perisian pada satu Peranti. Jika bilangan salinan yang lebih besar dan/atau bilangan Peranti yang dinyatakan dalam Dokumentasi atau dokumentasi transaksi berkenaan daripada pengedar, penjual semula, atau Pembekal yang diberi kuasa yang Anda memperoleh Perisian tersebut, Anda boleh menggunakan Perisian mengikut spesifikasi tersebut;
- B. buat satu salinan perisian untuk tujuan sandaran atau pengarkiban, atau salin Perisian pada cakera keras Peranti Anda dan kekalkan yang asal untuk tujuan sandaran atau pengarkiban;
- C. gunakan Perisian pada rangkaian, jika Anda mempunyai salinan Perisian yang berlesen untuk setiap Peranti yang boleh mengakses Perisian melalui rangkaian tersebut;
- D. memindahkan secara kekal semua hak Anda dalam Perisian yang diberikan di bawah Perjanjian Lesen ini kepada individu atau entiti lain, jika Anda tidak menyimpan salinan Perisian dan penerima pindahan bersetuju dengan semua terma Perjanjian Lesen ini. Untuk mengelakkan keraguan, jika Perisian yang sedang dipindahkan adalah sebahagian daripada tawaran berbilang produk Anda mesti memindahkan semua hak Anda kepada semua tawaran produk yang disertakan dalam Perisian tersebut. Pemindahan separa hak Anda di bawah Perjanjian Lesen ini tidak akan dibenarkan dan sebarang cubaan tersebut akan menjadikan Perjanjian itu batal dan tidak sah. Sebagai contoh, jika Dokumentasi atau dokumentasi transaksi berkenaan daripada pengedar, penjual semula, atau Pembekal yang diberi kuasa memberi hak kepada Anda untuk menggunakan berbilang salinan Perisian atau hak untuk memasang Perisian pada berbilang Peranti, hanya satu pemindahan bagi semua hak untuk menggunakan semua salinan dan pemasangan Perisian tersebut adalah sah. Untuk mengelakkan keraguan, hak pemindahan yang disebutkan tidak akan digunakan jika Anda memperoleh Perisian daripada Pembekal Anda; dan
- E. menggunakan Perisian mengikut sebarang penggunaan tambahan yang dibenarkan yang mungkin ditetapkan di bawah.

Perisian ini dilesenkan untuk kegunaan peribadi Anda dan bukan untuk tujuan komersial. Pemerolehan Perisian untuk tujuan komersial adalah tidak dibenarkan.

Anda tidak boleh, mahupun Anda membenarkan orang lain untuk:

- A. sublesen, menyewa atau memajak sebarang bahagian Perisian;
- B. jurutera balikan, menyusun semula, menyahhimpun, mengubahsuai, menterjemah, membuat apa-apa usaha untuk mendapatkan kod sumber Perisian atau mencipta karya terbitan daripada Perisian;
- C. menyediakan, menawarkan atau menyediakan Perisian sebagai sebahagian daripada pengurusan kemudahan, perkongsian masa, aturan pembekal perkhidmatan atau biro perkhidmatan; atau
- D. menggunakan Perisian dalam apa-apa cara lain yang tidak dibenarkan mengikut Perjanjian Lesen ini.

Perisian boleh termasuk ciri-ciri dan kefungisian pihak ketiga atau boleh mengakses kandungan pada laman web pihak ketiga. Ciri-ciri, kefungisian atau kandungan tersebut mungkin tertakluk kepada terma perkhidmatan dan dasar privasi pihak ketiga.

## 2. Kemas Kini Perisian dan Kandungan Automatik:

A. Bukan semua keluaran, semakan, kemas kini, penambahbaikan atau ciri akan tersedia pada semua platform. Anda akan mempunyai hak untuk menerima ciri-ciri baharu dan versi Perisian apabila Symantec, mengikut budi bicara mutlak, menyediakan ciri-ciri dan versi tersebut semasa Tempoh Lesen Anda. Symantec berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kebolegunaan dan prestasi produk dan perkhidmatannya. Untuk mengoptimumkan Perisian, dan untuk menyediakan versi terkini Perisian kepada anda, Anda bersetuju bahawa Perisian boleh memuat turun dan memasang kemas kini dan versi baharu Perisian apabila ia disediakan oleh Symantec mengikut budi bicara mutlak. Anda bersetuju untuk menerima dan membenarkan Symantec untuk menyampaikan kemas kini dan versi baharu ke Peranti Anda. Selain itu, Symantec boleh mengubah suai terma dan syarat yang digunakan kepada penggunaan Anda terhadap Perisian untuk menggambarkan kemas kini dan versi tersebut dan Anda bersetuju dengan terma yang dikemas kini tersebut. Melainkan Anda telah sebaliknya bersetuju kepada perubahan tersebut, dengan meneruskan menggunakan Perisian selepas pengubahsuaian berkuat kuasa, Anda bersetuju untuk terikat dengan terma yang telah disepak.

B. Perisian tertentu menggunakan kandungan yang telah dikemas kini dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada perisian yang berikut: antivirus dan perisian jenayah menggunakan takrif virus yang dikemas kini; perisian anti perisian pengintipan menggunakan takrif perisian pengintipan yang dikemas kini; perisian antispam menggunakan peraturan antispam yang dikemas kini; penapisan kandungan dan perisian antipemancingan menggunakan senarai URL yang dikemas kini; sesetengah perisian tembok api menggunakan

peraturan tembok api yang dikemas kini; produk penilaian kerentanan menggunakan data kerentanan yang dikemas kini, dan perisian pengesahan laman web menggunakan senarai yang dikemas kini daripada halaman web yang disahkan; kemas kini ini secara kolektif dirujuk sebagai “Kemas Kini Kandungan”. Anda akan mempunyai hak untuk menerima Kemas Kini Kandungan untuk Perisian semasa Tempoh Lesen Anda.

### 3. Pemasangan Produk; Pengaktifan Diperlukan; Akaun Norton:

A. Semasa proses pemasangan, Perisian boleh menyahpasang atau menyahdayakan produk keselamatan lain, atau ciri-ciri produk tersebut, jika produk atau ciri-ciri tersebut tidak serasi dengan Perisian atau untuk tujuan meningkatkan kefungsi keseluruhan Perisian.

B. Mungkin terdapat langkah-langkah teknologi dalam Perisian ini yang direka bentuk untuk mencegah penggunaan Perisian yang tidak berlesan atau tidak sah. Anda bersetuju bahawa Symantec boleh menggunakan langkah-langkah ini untuk melindungi Symantec daripada cetak rompak Perisian. Perisian ini mungkin mengandungi teknologi penguatkuasaan yang menahkalkan keupayaan untuk memasang dan menyahpasang Perisian pada Peranti kepada tidak melebihi daripada bilangan terbatas untuk bilangan terbatas Peranti. Perjanjian Lesen dan Perisian ini mengandungi teknologi penguatkuasaan yang mungkin memerlukan pengaktifan seperti yang ditetapkan kemudiannya dalam Dokumentasi. Jika begitu, Perisian hanya akan beroperasi bagi tempoh masa terbatas sebelum pengaktifan Perisian oleh Anda. Semasa pengaktifan, Anda mungkin dikehendaki memberikan kod pengaktifan unik Anda yang mengiringi Perisian dan konfigurasi Peranti dalam bentuk kod abjad angka melalui Internet untuk mengesahkan kesahihan Peranti tersebut. Jika anda tidak melengkapkan pengaktifan dalam tempoh masa terbatas yang ditetapkan dalam Dokumentasi, atau sebagaimana yang digesakan oleh Perisian, Perisian akan berhenti untuk berfungsi sehingga pengaktifannya selesai; pada masa itu kefungsi Perisian akan dipulihkan. Sekiranya Anda tidak dapat mengaktifkan Perisian melalui Internet, atau melalui mana-mana cara lain yang ditetapkan semasa proses pengaktifan, Anda boleh menghubungi sama ada (i) Sokongan Pelanggan Symantec menggunakan maklumat yang diberikan oleh Symantec semasa pengaktifan, atau sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 7 di bawah, atau (ii) Pembekal Anda, atau entiti yang ditetapkan dalam dokumentasi yang dikeluarkan kepada Anda oleh Pembekal Anda, jika anda memperoleh Perisian daripada Pembekal Anda.

C. Akaun Norton. Akaun Norton Symantec semasa (“Akaun Norton”) mungkin diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Perisian. Dalam hal yang sedemikian, jika Anda tidak mempunyai Akaun Norton, Anda mesti melengkapkan proses pendaftaran yang berkenaan untuk mencipta Akaun Norton untuk menggunakan Perisian. Akaun Norton mungkin tidak diperlukan jika Anda memperoleh hak untuk menggunakan Perisian daripada Pembekal yang menghendaki Anda untuk mempunyai akaun pengguna yang berbeza (“Akaun Pembekal”) untuk mengakses dan menggunakan Perisian. Sila rujuk pada dokumentasi transaksi yang berkenaan dengan Pembekal Anda bagi menentukan sama ada Akaun Norton atau Akaun Pembekal diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Perisian. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengekalkan kerahsiaan kata laluan Akaun Norton atau Akaun Pembekal Anda. Selain itu, jika Anda memindahkan semua hak anda dalam Perisian menurut Perjanjian ini, Anda juga harus melepaskan Akses anda ke, atau pengurusan, kunci lesen Perisian yang dipindahkan daripada Akaun Norton Anda. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Symantec atau lawati halaman Sokongan Symantec yang dinyatakan di bawah.

### 4. Liabiliti kepada Pelanggan Perniagaan:

Jika Anda seorang Pengguna, peruntukan berikut dalam Seksyen 4 ini tidak terpakai kepada Anda melainkan setakat yang di bawah undang-undang terpakai di bidang kuasa Anda, peruntukan pengguna tertentu terpakai untuk penggunaan Perisian oleh Anda tanpa mengira hakikat bahawa penggunaan tersebut adalah untuk tujuan perniagaan, perdagangan atau profesional. Sila baca Seksyen 5 pula.

Jika anda seorang pelanggan perniagaan (iaitu, Anda menggunakan Perisian dalam perniagaan, perdagangan atau profesion (“Pelanggan Perniagaan”)), peruntukan yang berikut dalam Seksyen 4 digunakan kepada Anda (tanpa mengira sama ada Anda menerima Perisian atau tidak).

- A. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN SYMANTEC ATAU PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA (KERANA KECUAIAN, KONTRAK ATAU SEBALIKNYA) BAGI KEHILANGAN KEUNTUNGAN, HASIL, KONTRAK PERNIAGAAN, PENJIMATAN YANG DIJANGKA

ATAU DATA YANG HILANG ATAU ROSAK YANG BERPUNCA DARIPADA PENGGUNAAN ATAU KETAKMAMPUAN MENGGUNAKAN ATAU KE ATAS SEBARANG KEROSAKAN KHAS, LANJUTAN, TIDAK LANGSUNG, ATAU KEROSAKAN YANG SEUMPAMANYA, WALAUPUN JIKA SYMANTEC TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINANNYA KEROSAKAN YANG SEDEMIKIAN.

B. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, LIABILITI SYMANTEC ATAU PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA PEMBELIAN YANG TELAH ANDA BAYAR UNTUK TEMPOH PERKHIDMATAN YANG BERKENAAN.

C. Symantec akan dipertanggungjawabkan kepada Anda tanpa batasan jika (a) Anda meninggal dunia atau tercedera akibat daripada kecuaiannya Symantec atau (b) Anda mengalami kerugian atau kerosakan kerana Symantec telah melakukan penipuan.

#### 5. Liabiliti kepada Pengguna:

Jika Anda seorang Pengguna, Seksyen 5 ini berkenaan dengan Anda. Sila baca dengan teliti. Seksyen 4 tidak terpakai kepada Anda jika Anda seorang Pelanggan Perniagaan. Symantec akan dipertanggungjawabkan kepada Anda tanpa batasan jika (a) Anda meninggal dunia atau tercedera akibat daripada kecuaiannya Symantec atau (b) Anda mengalami kerugian atau kerosakan kerana Symantec telah melakukan penipuan.

A. Tertakluk pada peruntukan sebelumnya dalam Seksyen 5 ini, Symantec tidak akan bertanggungjawab membayar Anda untuk apa-apa kerugian yang tidak munasabah yang dapat dijangka akibat pelanggaran Perjanjian Lesen ini oleh Symantec. Sebagai Pengguna, penggunaan Perisian oleh Anda adalah bukan komersial. Symantec oleh itu tidak bertanggungjawab kepada Anda untuk apa-apa kehilangan keuntungan, hasil, jangkaan penjimatan, kontrak atau masa yang timbul daripada penggunaan atau ketidakupayaan Anda untuk menggunakan Perisian sehingga berlakunya kegagalan besar.

B. Anda akan sentiasa bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian Anda.

#### 6. Peraturan Eksport:

Anda mengakui bahawa Perisian dan data teknikal dan perkhidmatan berkaitan (secara kolektif "Teknologi Terkawal") boleh tertakluk kepada undang-undang import dan eksport Amerika Syarikat, secara khususnya Peraturan Pentadbiran Eksport A.S. (EAR), dan undang-undang mana-mana negara yang mana Teknologi Terkawal diimport atau dieksport semula. Anda bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan tidak akan mengeksport sebarang Teknologi Terkawal yang melanggar undang-undang A.S. mahupun ke negara lain, entiti, atau orang yang dilarang yang memerlukan lesen eksport atau kelulusan kerajaan lain. Semua produk Symantec dilarang untuk dieksport atau dieksport semula ke Cuba, Korea Utara, Iran, Syria dan Sudan dan kepada mana-mana negara yang tertakluk pada sekatan perdagangan yang relevan, termasuk Afghanistan dan Iraq. **PENGGUNAAN ATAU PEMUDAHAN PRODUK SYMANTEC BERHUBUNG DENGAN MANA-MANA AKTIVITI TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, REKA BENTUK, PEMBANGUNAN, FABRIKASI, LATIHAN, ATAU PENGUJIAN BAHAN KIMIA, BIOLOGI, ATAU NUKLEAR, ATAU MISIL, DRONE, ATAU PELANCARAN KENDERAAN ANGKASA YANG BERUPAYA UNTUK MENGHANTAR SENJATA API PEMUSNAH BESAR-BESARAN ADALAH DILARANG, MENGIKUT UNDANG-UNDANG A.S.**

#### 7. Umum:

A. Undang-undang yang Menentukan.

Perjanjian Lesen ini akan ditentukan oleh undang-undang England dan Wales. Tiada apa-apa dalam Terma ini akan mengurangkan sebarang hak yang Anda mungkin ada di bawah perundangan perlindungan pengguna yang sedia ada atau undang-undang yang berkenaan yang lain dalam bidang kuasa Anda yang tidak boleh diketepikan oleh kontrak.

## B. Keseluruhan Perjanjian.

Perjanjian Lesen ini merupakan keseluruhan perjanjian antara Anda dan Symantec berkaitan dengan Perisian dan: (i) menggantikan semua komunikasi, usul, dan nyataan lisan atau bertulis yang terdahulu atau serentak berhubung dengan bahannya; dan (ii) mengatasi sebarang terma yang bercanggah atau tambahan bagi mana-mana petikan, urutan, pengesahan, atau komunikasi yang serupa antara pihak-pihak tersebut. Tanpa mengira apa pun yang disebutkan di atas, tiada apa-apa dalam Perjanjian Lesen ini akan mengurangkan sebarang hak Anda di bawah perundangan perlindungan pengguna yang sedia ada atau undang-undang berkenaan yang lain dalam bidang kuasa Anda yang tidak boleh diketepikan oleh kontrak. Symantec boleh menamatkan Perjanjian Lesen ini jika Anda melanggar sebarang terma yang terkandung dalam Perjanjian Lesen ini (selain daripada pelanggaran yang remeh atau tidak penting) dan, jika penamatan tersebut berlaku, Anda mesti berhenti menggunakan dan memusnahkan semua salinan Perisian dan Dokumentasi. Penafian waranti dan kerosakan dan batasan terhadap liabiliti, akan terus kekal dan terus digunakan selepas penamatan.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Perjanjian Lesen ini, atau jika Anda berhasrat untuk menghubungi Symantec atas sebarang sebab, sila tulis kepada Symantec Customer Support, PO Box 5689, Dublin 15, Ireland atau lawati halaman Sokongan Symantec di [www.symantec.com](http://www.symantec.com).

**TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN.** Penggunaan Perisian oleh Anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat di bawah selain daripada yang dinyatakan di atas.

### 8. Privasi; Perlindungan Data:

**Sekiranya Perisian telah diprapasang pada Peranti Anda, terma berhuruf tebal berikut akan dikenakan kepada Anda:**

**Sepanjang persediaan awal Peranti Anda dan sebaik sahaja produk Norton anda mula beroperasi, Symantec (lihat butiran hubungan di bawah) dan produk Norton Anda akan mengumpul data berikut daripada Anda:**

- **Maklumat pelanggan yang diberikan oleh Anda;**
- **Data perkakasan, sistem, aplikasi dan sambungan rangkaian yang dikumpulkan daripada Peranti anda, termasuk maklumat status pemasangan dan operasi perisian Norton;**
- **Data tentang Peranti dan penggunaan internet;**
- **Sebarang maklumat dan seting kawalan ibu bapa yang Anda boleh konfigurasi jika fungsi sedemikian tersedia dalam produk Norton anda.**

Pengumpulan kategori data ini adalah perlu dan amat penting (a) untuk menyediakan pengikatan kontrak antara Anda dan Symantec, dan (b) untuk operasi yang betul bagi Perisian Norton yang diprapasang pada Peranti Anda. Data anda akan dipindahkan ke entiti Symantec dan pembekal Symantec yang terlibat dalam pengeluaran kunci lesen pengguna akhir dan penyampaian Perisian. Tertakluk kepada keperluan yang berkenaan dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, permintaan pembetulan dan pemadaman yang dikemukakan oleh Anda, data yang dikumpulkan akan dikekalkan oleh Symantec selagi perlu bagi kesimpulan dan pemenuhan hubungan kontrak tersebut. Anda boleh menghubungi Symantec pada bila-bila masa untuk meminta akses, pembetulan atau pemadaman data peribadi Anda, serta jika dan yang mana berkenaan, dapatkan sekatan pemrosesannya, membantah untuk pemrosesan selanjutnya atau mendapatkan kemudahalihannya. Seperti yang ditunjukkan dalam seksyen "Privasi; Perlindungan Data" ini, Symantec memastikan dengan cara berkontrak yang dikehendaki secara sah dan diberi kebenaran secara sah serta komitmen korporat yang mengikat bahawa Data anda dilindungi secukupnya apabila ia dipindahkan ke negara atau wilayah dengan undang-undang perlindungan datanya kurang tegas berbanding negara atau wilayah di mana Anda berada. Jika Anda tidak berpuas hati dengan pengendalian data peribadi Anda oleh Symantec, Anda boleh membuat aduan kepada Symantec atau, di negara anggota Kesatuan Eropah, dengan pihak berkuasa penyeliaan yang kompeten. Anda akan mendapati butiran lanjut tentang hak ini dan amalan perlindungan data Symantec di Portal Privasi kami

(<https://www.symantec.com/privacy>) yang Anda boleh akses pada bila-bila masa daripada mana-mana Peranti yang disambungkan ke internet.

Bagi tujuan seksyen ini, Rujukan kepada Symantec hendaklah difahami sebagai berikut:

- Bagi pengguna di benua Amerika, Symantec Corporation, 350 Ellis Street, P.O. Box 7011 Mountain View, CA 94043 U.S.A., telefon: +1 650 527 8000, e-mel: [privacyteam@symantec.com](mailto:privacyteam@symantec.com);
- Bagi pengguna di rantau Eropah-Timur-Tengah-Afrika, termasuk Negara Anggota EU/EEA: Symantec Limited, Ballycoolin Business Park, Blanchardstown, Dublin 15, Ireland, telefon: +353 1 803 5400, e-mel: [privacyteam@symantec.com](mailto:privacyteam@symantec.com) (Pegawai Perlindungan Data EU: Heward Mills, Fitzwilliam Hall, Fitzwilliam Place, Dublin 2, [DPO@symantec.com](mailto:DPO@symantec.com));
- Bagi pengguna di rantau Asia-Pasifik-Jepun, Symantec Singapore PTE Limited, 6 Temasek Boulevard, #21-01, Suntec Tower 4, telefon: Singapura-038986, e-mel: [APJ\\_Privacy@symantec.com](mailto:APJ_Privacy@symantec.com).

Terma berikut akan dikenakan kepada semua pengguna:

Tertakluk pada tetapan dan keutamaan konfigurasi Anda, dan bergantung pada peristiwa keselamatan dan risiko yang dikesan, Perisian dan pelayan kami mungkin mengumpul daripada Peranti yang menjalankan maklumat tertentu, yang mungkin termasuk data peribadi, seperti:

- Sebagai sebahagian daripada Pengawasan Komuniti Norton, maklumat peranti dan produk, penggunaan internet kerana ia berkaitan dengan perisian berniat jahat dan laman web berpotensi palsu, serta proses dan aplikasi yang berjalan semasa risiko keselamatan ditemui. Pengumpulan data ini tidak direka mahupun tidak bertujuan untuk mengumpul data peribadi Anda. Symantec tidak akan memproses mana-mana data ini dengan cara atau bertujuan untuk cuba mengenal pasti atau melibatkan pengenalanpastian Anda dengan sengaja, menilai ciri-ciri peribadi tentang Anda, memprofil Anda atau membuat sebarang penentuan bersifat peribadi yang berkaitan dengan Anda. Symantec akan mengambil langkah teknikal dan organisasi yang munasabah untuk tanpa nama atau membuang mana-mana data peribadi Anda yang mungkin dikumpulkan secara tidak sengaja untuk tujuan Pengawasan Komuniti Norton. Data ini penting untuk mengenal pasti risiko keselamatan secara berkesan pada atau kepada Peranti Anda dan, melalui pengagregatan data komuniti Norton, menyediakan maklumat penting untuk mengurangkan ancaman keselamatan tersebut dan meningkatkan keselamatan pengguna dan kefungsiian produk, serta memantau keberkesanan tugas dan tetapan khusus Norton pada Peranti Anda. Anda memahami dan mengakui bahawa jika Anda menyahdayakan pengumpulan data untuk tujuan Pengawasan Komuniti Norton dengan mengubah seting lalai Peranti Anda, Anda mungkin mengurangkan keupayaan Symantec untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko keselamatan secara efektif, dan perlindungan Anda dan Peranti Anda daripada risiko tersebut mungkin terjejas.
- Maklumat telemetri tentang potensi risiko keselamatan serta URL dan alamat Protokol Internet (IP) laman web yang dilawati serta dianggap berpotensi palsu oleh Perisian. Walaupun alamat IP tersebut bukan membentuk data peribadi dalam dan secara sendiri, URL tertentu mungkin mengandungi data peribadi yang laman web berpotensi palsu boleh cuba peroleh tanpa kebenaran Anda. Maklumat telemetri ini dikumpulkan oleh Symantec untuk tujuan menyampaikan kefungsiian Perisian, termasuk untuk melindungi Anda daripada pengumpulan data peribadi Anda tanpa kebenaran, dan juga untuk menilai dan meningkatkan keupayaan produk Symantec untuk mengesan tingkah laku yang berniat jahat, laman web yang berpotensi palsu dan risiko keselamatan Internet yang lain.
- Jika ciri Web Selamat Norton atau Carian Selamat Norton didayakan, alamat URL dan Protokol Internet (IP) laman web yang dilawati serta kata kunci carian dan hasil carian. Maklumat telemetri dikumpulkan oleh Symantec untuk tujuan menyediakan perlindungan yang Anda boleh jangkakan munasabah daripada ciri-ciri tersebut, dan untuk menilai dan menasihati Anda berkenaan potensi ancaman dan risiko yang mungkin dikaitkan dengan laman Web tertentu sebelum Anda melihatnya.

- Fail boleh laksana dan fail yang mengandungi kandungan boleh laksana (cth. dokumen yang mengandungi makro) yang dikenal pasti sebagai potensi perisian berniat jahat, termasuk maklumat tentang tindakan yang diambil oleh fail tersebut pada masa pemasangan. Fail ini diserahkan kepada Symantec menggunakan fungsi penyerahan Perisian. Fungsi penyerahan automatik itu boleh dinyahaktifkan selepas pemasangan dengan mengikuti arahan dalam Dokumentasi untuk produk yang berkenaan. Fail yang dikumpul boleh mengandungi maklumat peribadi, khususnya maklumat tertentu tentang Anda yang telah diperoleh oleh perisian berniat jahat tanpa kebenaran Anda. Fail jenis ini dikumpulkan oleh Symantec semata-mata untuk tujuan meningkatkan keupayaan produk Symantec untuk mengesan jenis kelakuan berniat jahat yang dilaksanakan oleh perisian berniat jahat seperti itu, dan menyediakan perlindungan yang unggul terhadap ancaman yang serupa pada masa akan datang kepada Anda dan pengguna lain.
- Nama yang diberikan kepada Peranti semasa persediaan awal Peranti tersebut. Jika dikumpulkan, namanya akan digunakan oleh Symantec sebagai nama akaun untuk Peranti yang mana Anda boleh pilih untuk menerima perkhidmatan tambahan dan/atau yang mana Anda boleh menggunakan ciri-ciri tertentu Perisian tersebut. Anda boleh mengubah nama akaun tersebut pada bila-bila masa selepas pemasangan Perisian dan Anda disyorkan untuk melakukannya.
- Maklumat status berkenaan pemasangan dan operasi Perisian. Maklumat ini menunjukkan kepada Symantec sama ada pemasangan Perisian telah berjaya diselesaikan serta sama ada Perisian telah mengalami ralat. Maklumat status mungkin mengandungi data peribadi hanya jika maklumat sedemikian disertakan dalam nama fail atau folder yang digunakan oleh Perisian pada masa pemasangan atau ralat. Maklumat status yang dikumpul oleh Symantec untuk tujuan penilaian dan peningkatan kadar prestasi dan kejayaan pemasangan produk Symantec.
- Maklumat yang terkandung dalam mesej e-mel yang Anda serah melalui Perisian kepada Symantec untuk melaporkan sebagai spam atau sebagai tersalah dikenal pasti sebagai spam. Metadata dan kandungan mesej e-mel tersebut mungkin mengandungi data peribadi seperti alamat e-mel penerima, dan hanya akan dihantar ke Symantec dengan kebenaran Anda, dan tidak akan dihantar secara automatik. Jika Anda menghantar mesej tersebut kepada Symantec, Symantec akan menggunakannya hanya untuk tujuan meningkatkan prestasi pengesanan teknologi antipam Symantec. Symantec tidak akan mengkorelasikan atau memadankan fail ini dengan sebarang data peribadi lain.
- Maklumat telemetri yang terkandung dalam laporan yang Anda boleh pilih untuk diserahkan melalui Perisian kepada Symantec apabila Perisian menghadapi masalah. Laporan ini termasuk maklumat berkenaan dengan status kedua-dua Perisian dan Peranti Anda pada masa Perisian sedang menghadapi masalah. Maklumat status tentang Peranti Anda boleh termasuk bahasa sistem, penempatan negara, dan versi sistem pengendalian untuk Peranti Anda, serta proses yang sedang berjalan, maklumat status dan prestasinya, dan data daripada fail atau folder yang terbuka pada masa Perisian menghadapi masalah. Maklumat mungkin mengandungi maklumat peribadi jika maklumat tersebut termasuk dalam atau sebahagian daripada nama fail atau folder yang terbuka semasa Perisian dan Perkhidmatan menghadapi masalah. Maklumat ini akan dihantar kepada Symantec hanya dengan kebenaran Anda dan tidak akan dihantar secara automatik. Maklumat yang dikumpul oleh Symantec untuk tujuan membetulkan masalah yang dihadapi dan meningkatkan prestasi produk Symantec. Maklumat ini tidak akan dikaitkan atau dipadankan dengan mana-mana data peribadi.
- Alamat Protokol Internet (IP) dan maklumat geografi yang berkaitan dan/atau alamat Kawalan Akses Media (MAC) dan ID Mesin Peranti di mana Perisian dijalankan. Maklumat ini dikumpulkan dan diproses semata-mata untuk tujuan membolehkan Perisian berfungsi dengan baik dan mematuhi keperluan tempatan yang berkenaan, serta untuk tujuan pentadbiran lesen Symantec yang sah.
- Pada Peranti mudah alih: maklumat yang berkaitan dengan lokasi Peranti Anda jika fungsi antikecurian didayakan. Imej yang ditangkap oleh kamera Peranti jika tersedia dan didayakan. Pengecam Unik Semesta (UUID) dijanakan sebagai pengecam Peranti Anda untuk mendayakan Perisian dan Perkhidmatan berfungsi, dan untuk tujuan pentadbiran lesen.

- Pada Peranti mudah alih: Identiti Peralatan Mudah Alih Antarabangsa (IMEI) diproses untuk menjana cincangan yang memastikan ketanpanamaan. Cincangan digunakan untuk menganalisis dan mengagregat data peralatan untuk tujuan statistik. IMEI tidak dikumpulkan atau disimpan oleh Symantec. Perisian juga memantau perubahan dalam Identiti Pelanggan Mudah Alih Antarabangsa (IMSI), agar dapat meneruskan penyediaan perkhidmatan walaupun pengguna menukar kad SIM. IMSI tidak dikumpulkan atau disimpan oleh Symantec. Maklumat di atas digunakan untuk tujuan mengenal pasti Peranti telekomunikasi yang layak menerima Kemas Kini Kandungan untuk Perisian dan Perkhidmatan. Maklumat ini tidak akan dikaitkan dengan maklumat pengecam diri yang lain, seperti maklumat akaun Anda. Selepas perkhidmatan telah ditamatkan data dikekalkan dalam bentuk statistik semata-mata untuk penyelidikan dalaman. Symantec mungkin berkongsi data ini dengan kontraktor pihak ketiga dan/atau pemproses data seperti yang diperlukan untuk tujuan pengurusan akaun.
- Pada Peranti mudah alih: alamat Kawalan Akses Media (MAC) WiFi Peranti di mana Perisian dipasang untuk mendayakan Perisian berfungsi dan bagi tujuan pentadbiran lesen.
- Maklumat statistik am lain tentang kefungsi Perisian. Maklumat statistik umum tersebut tidak mengenal pasti, mahupun digunakan oleh Symantec untuk mengenal pasti Anda, dan ia akan diproses dalam bentuk agregat untuk tujuan analisis produk dan peningkatan kefungsi produk.

Tertakluk pada seting dan pilihan konfigurasi anda jika berkaitan, maklumat yang diterangkan di atas dikumpulkan setakat yang diperlukan dan bersesuaian untuk tujuan menyampaikan, mengekalkan, memantau dan terus meningkatkan kefungsi Perisian yang diliputi oleh Perjanjian ini.

Maklumat boleh dipindahkan ke kumpulan Symantec di Amerika Syarikat atau negara-negara lain yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang kurang tegas berbanding rantau tempat Anda berada (termasuk Kesatuan Eropah) dan boleh dicapai oleh pekerja atau kontraktor Symantec secara eksklusif untuk digunakan mengikut tujuan yang diterangkan di atas. Untuk tujuan yang sama, maklumat tersebut boleh dikongsi dengan rakan niaga dan vendor yang memproses maklumat bagi pihak Symantec. Symantec telah mengambil langkah undang-undang, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan bahawa maklumat yang dikumpulkan, jika dipindahkan ke peringkat antarabangsa dan/atau kepada pihak ketiga, menerima tahap perlindungan yang mencukupi pada setiap masa.

Tertakluk pada undang-undang berkenaan, Symantec mempunyai hak untuk bekerjasama dengan sebarang proses undang-undang dan sebarang penguatkuasaan undang-undang atau siasatan kerajaan lain yang berkaitan dengan penggunaan Perisian ini oleh Anda. Ini bermakna Symantec boleh memberikan dokumen dan maklumat yang diminta oleh pihak berkuasa yang sah mengikut proses undang-undang yang sesuai. Untuk menggalakkan kesedaran, pengesanan dan pencegahan risiko keselamatan Internet, Symantec boleh berkongsi maklumat tertentu dengan organisasi penyelidikan dan vendor perisian keselamatan yang lain. Symantec boleh juga menggunakan statistik yang diperoleh daripada maklumat untuk menjejaki dan menerbitkan laporan tentang trend risiko keselamatan.

Dengan menggunakan Perisian, Anda mengakui bahawa Symantec boleh mengumpul, menghantar, menyimpan, mendedahkan dan menganalisis maklumat yang disebut dalam Perjanjian ini untuk tujuan yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi Global Symantec dan dalam Produk dan Perkhidmatan Norton yang tersedia di <https://www.symantec.com/privacy>.

9. Keperluan Apple. Jika Perisian dimuat turun daripada Apple iTunes App Store ("App Store"), Anda mengakui dan bersetuju dengan terma tambahan berikut: (a) Perjanjian Lesen ini adalah antara Anda dan Symantec sahaja, dan bukan dengan Apple, Inc. ("Apple") dan Apple tidak mempunyai liabiliti untuk Aplikasi dan kandungannya; (b) Penggunaan Perisian oleh Anda adalah terhad untuk digunakan pada produk berjenama Apple yang menjalankan sistem operasi iOS yang Anda miliki atau kawal dan seperti yang dibenarkan oleh Peraturan Penggunaan yang ditetapkan dalam Terma Perkhidmatan App Store; (c) Apple tidak mempunyai kewajipan untuk memberikan sebarang perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan berkenaan dengan



Perisian; (d) sekiranya berlaku sebarang kegagalan Perisian untuk mematuhi sebarang waranti berkenaan yang belum dinafikan, (i) Anda boleh memberitahu Apple, dan Apple akan membayar balik harga pembelian yang Anda bayar melalui App Store untuk Perisian dan (ii) setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Apple tidak akan mempunyai kewajipan waranti lain berkenaan dengan Perisian; (e) Apple tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian, liabiliti, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengan Perisian atau pemilikan Anda dan/atau penggunaan Perisian oleh Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) tuntutan liabiliti produk atau jaminan; (ii) apa-apa tuntutan bahawa Perisian gagal mematuhi apa-apa kehendak undang-undang atau peraturan yang berkenaan dan (iii) perlindungan pengguna atau tuntutan yang sama; (f) Apple tidak bertanggungjawab untuk menyiasat, mempertahankan, menyelesaikan atau melepaskan mana-mana tuntutan pihak ketiga bahawa Perisian atau pemilikan Anda dan penggunaan Perisian oleh Anda melanggar hak harta intelektual pihak ketiga tersebut; (g) Anda menyatakan dan menjamin bahawa (i) Anda tidak berada di negara yang tertakluk pada embargo Kerajaan A.S., atau yang telah ditetapkan oleh Kerajaan A.S. sebagai negara “penyokong pengganas” dan (ii) Anda tidak disenaraikan dalam mana-mana senarai pihak yang dilarang atau dihadkan Kerajaan A.S.; (h) anda bertanggungjawab untuk mematuhi mana-mana terma perjanjian pihak ketiga yang berkaitan apabila menggunakan Aplikasi; dan (i) Apple dan anak syarikatnya adalah benefisiari pihak ketiga Perjanjian Lesen ini; sebagai benefisiari pihak ketiga, Apple akan mempunyai hak untuk menguatkuasakan Perjanjian Lesen ini terhadap Anda.

**PERKHIDMATAN  
TAMBAHAN KEPADA  
PERJANJIAN LESEN  
NORTON**

**TERMA DAN SYARAT  
UNTUK  
PERKHIDMATAN TAMBAHAN**

**1. SANDARAN DALAM TALIAN;  
SOKONGAN TEKNIKAL;  
PEMBAHARIAN AUTOMATIK;  
JAMINAN KEMBALI WANG**

**PENTING:** SILA BACA TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN PERKHIDMATAN INI (“PERJANJIAN LESEN”) DENGAN TELITI SEBELUM MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN (SEPERTI YANG TERTAKRIF DI BAWAH). SYMANTEC CORPORATION DAN AHLI GABUNGANNYA (“SYMANTEC”) BERSEDIA UNTUK MENYEDIKAKAN PERKHIDMATAN KEPADA ANDA SEBAGAI INDIVIDU, SYARIKAT, ATAU ENTITI SAH YANG AKAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN (DIRUJUK DI BAWAH SEBAGAI “ANDA”) HANYA DENGAN SYARAT BAHAWA ANDA MENERIMA SEMUA SYARAT TERMA PERKHIDMATAN INI. INI ADALAH KONTRAK SAH DAN BOLEH DIKUATKUASAKAN ANTARA ANDA DAN SYMANTEC. DENGAN MEMBUKA PAKEJ INI, MEMECAHKAN METERAI, MENKLIK BUTANG “SAYA SETUJU” ATAU “YA” ATAU SEBALIKNYA YANG MENUNJUKKAN PERSETUJUAN SECARA ELEKTRONIK, ATAU SEBALIKNYA MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN, ANDA BERSETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT PERJANJIAN LESEN INI. JIKA ANDA TIDAK SETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT INI, KLIK BUTANG “BATAL” ATAU “TIDAK” ATAU “TUTUP TETINGKAP” ATAU JIKA TIDAK, NYATAKAN KEENGGANAN, TIDAK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN LAGI, DAN HUBUNGI (i) VENDOR ANDA ATAU PERKHIDMATAN PELANGGAN SYMANTEC, MENGGUNAKAN BUTIRAN HUBUNGAN DALAM SEKSYEN 12 PERJANJIAN PERKHIDMATAN INI, UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TENTANG CARA MENDAPATKAN BAYARAN BALIK BAGI JUMLAH YANG TELAH ANDA BAYAR UNTUK TEMPOH PERKHIDMATAN SEMASA, JIKA ADA (DITAKRIFKAN DI BAWAH) (TOLAK KOS PENGHANTARAN, PENGENDALIAN, DAN APA-APA CUKAI YANG DIKENAKAN KECUALI DI NEGARI DAN NEGARA TERTENTU YANG MANA PENGHANTARAN, PENGENDALIAN, DAN CUKAI BOLEH DIKEMBALIKAN) PADA BILA-BILA MASA SEMASA TEMPOH ENAM PULUH (60) HARI BERIKUTAN TARIKH PEMBELIAN LANGGANAN TAHUNAN ATAU DALAM MASA TIGA PULUH (30) HARI BERIKUTAN TARIKH

PEMBELIAN LANGGANAN BULANAN, ATAU (ii) PEMBEKAL PERKHIDMATAN ANDA (SEPERTI YANG DITAKRIFKAN DI BAWAH) UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TENTANG CARA MENDAPATKAN BAYARAN BALIK JIKA ANDA MENDAPAT PERKHIDMATAN INI DARIPADA PEMBEKAL ANDA.

Di bawah Perjanjian Perkhidmatan ini, Symantec bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan berikut (“Perkhidmatan”) kepada Anda seperti yang dijelaskan lebih lanjut dalam Perjanjian Perkhidmatan ini:

1. Batasan Perkhidmatan. Anda hanya boleh membeli Perkhidmatan untuk kegunaan peribadi Anda dan bukan untuk sebarang tujuan komersial. Sebarang pembelian untuk tujuan jualan semula komersial tidak dibenarkan. Anda tidak boleh, mahupun Anda membenarkan orang lain untuk:

A. sublesen, menyewa atau memajak sebarang bahagian Perkhidmatan;

B. jurutera balikan, menyusun semula, menyahhimpun, mengubahsuai, menterjemah, membuat apa-apa usaha untuk mendapatkan kod sumber Perkhidmatan atau mencipta karya terbitan daripada Perkhidmatan;

C. menyediakan, menawarkan atau menyediakan Perkhidmatan tersedia sebagai sebahagian daripada pengurusan kemudahan, perkongsian masa, aturan pembekal perkhidmatan atau biro perkhidmatan; atau

D. menggunakan Perkhidmatan dalam apa-apa cara lain yang tidak dibenarkan mengikut Perjanjian Perkhidmatan atau undang-undang ini.

Perkhidmatan boleh termasuk ciri-ciri dan kefungsihan pihak ketiga atau boleh mencapai kandungan pada laman web pihak ketiga. Ciri-ciri, kefungsihan atau kandungan tersebut mungkin tertakluk kepada terma perkhidmatan dan dasar privasi pihak ketiga.

2. Tempoh Perkhidmatan.

“Tempoh Perkhidmatan” akan bermula pada awal (a) tarikh pemasangan atau penggunaan awal Perisian oleh Anda pada komputer, persekitaran maya, peranti mudah alih atau peranti pengkomputeran mudah alih (“Peranti”), atau (b) tarikh anda menerima Perjanjian Perkhidmatan ini, atau (c) jika Anda membeli Perisian atau Perkhidmatan Anda daripada kedai dalam talian Norton, tarikh Anda melengkapkan pembelian anda, atau (d) jika Anda menerima Perkhidmatan sebagai sebahagian daripada penawaran produk berbilang, tarikh pembelian Anda bagi penawaran berbilang produk tersebut telah selesai, atau (e) jika Anda memperoleh hak untuk menggunakan Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Perkhidmatan ini daripada pembekal Symantec (“Pembekal”) yang diberi kuasa, tarikh yang ditentukan oleh Pembekal tersebut. Tempoh Perkhidmatan akan berakhir selama tempoh masa seperti yang ditetapkan dalam Dokumentasi atau dokumentasi transaksi yang berkenaan daripada pengedar, penjual semula atau Pembekal yang diberi kuasa yang Anda peroleh Perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan mungkin dinyahaktifkan secara automatik dan menjadi tidak beroperasi di penghujung Tempoh Perkhidmatan, dan Anda tidak berhak untuk menerima Perkhidmatan melainkan Tempoh Perkhidmatan diperbaharui. Langganan untuk pembaharuan Tempoh Lesen akan (i) tersedia mengikut dasar sokongan Symantec yang disiarkan di [https://support.norton.com/sp/en/us/home/current/solutions/v74023230\\_EndUserProfile\\_en\\_us](https://support.norton.com/sp/en/us/home/current/solutions/v74023230_EndUserProfile_en_us) atau (ii) disediakan oleh Pembekal Anda mengikut dasar Pembekal tersebut, jika Anda memperoleh Perisian daripada Pembekal Perkhidmatan Anda.

3. Kemas Kini Kandungan Automatik:

A. Anda akan mempunyai hak untuk menerima ciri-ciri dan versi baharu Perkhidmatan kerana Symantec, mengikut budi bicara mutlak, menjadikan ciri-ciri dan versi tersebut tersedia semasa Tempoh Perkhidmatan Anda. Symantec berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kebolehgunaan dan prestasi produk dan perkhidmatannya. Untuk mengoptimumkan Perkhidmatan, dan untuk menyediakan versi terkini Perkhidmatan kepada anda, Anda bersetuju bahawa Perkhidmatan boleh diubah suai oleh Symantec mengikut budi bicara mutlak. Anda bersetuju untuk menerima dan membenarkan Symantec menyampaikan kemas kini dan versi baharu kepada Anda. Selain itu, Symantec boleh mengubah suai terma dan syarat yang digunakan kepada penggunaan Anda terhadap Perkhidmatan untuk menggambarkan kemas kini dan versi tersebut dan Anda bersetuju dengan terma yang dikemas kini tersebut. Melainkan Anda telah sebaliknya bersetuju kepada perubahan tersebut, dengan meneruskan menggunakan Perkhidmatan selepas pengubahsuaian berkuat kuasa, Anda bersetuju untuk terikat dengan terma disemak.

#### 4. Pengaktifan yang Diperlukan; Akaun Norton:

A. Mungkin terdapat langkah-langkah teknologi dalam Perkhidmatan ini yang direka bentuk untuk mencegah penggunaan Perkhidmatan yang tidak berlesan atau tidak sah. Anda bersetuju bahawa Symantec boleh menggunakan langkah-langkah ini untuk melindungi Symantec daripada cetak rompak Perkhidmatan. Perjanjian Perkhidmatan dan Perkhidmatan ini mengandungi teknologi penguatkuasaan yang mungkin memerlukan pengaktifan seperti yang ditetapkan dalam Dokumentasi. Jika begitu, Perkhidmatan hanya akan beroperasi bagi tempoh masa terbatas sebelum pengaktifan Perkhidmatan oleh Anda. Jika anda tidak melengkapkan pengaktifan dalam tempoh masa terbatas yang ditetapkan dalam Dokumentasi, atau sebagaimana yang digesakan oleh Perkhidmatan, Perkhidmatan akan berhenti untuk berfungsi sehingga pengaktifannya selesai; pada masa itu kefungsiannya akan dipulihkan. Sekiranya Anda tidak dapat mengaktifkan Perkhidmatan melalui Internet, atau melalui mana-mana cara lain yang ditetapkan semasa proses pengaktifan, Anda boleh menghubungi sama ada (i) Sokongan Pelanggan Symantec menggunakan maklumat yang diberikan oleh Symantec semasa pengaktifan, atau sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 12 di bawah, atau (ii) Pembekal Anda, atau entiti yang ditetapkan dalam dokumentasi yang dikeluarkan kepada Anda oleh Pembekal Anda, jika anda memperoleh Perkhidmatan daripada Pembekal Anda.

B. Akaun Norton. Akaun Norton Symantec semasa (“Akaun Norton”) mungkin diperlukan untuk mencapai dan menggunakan Perkhidmatan. Dalam hal yang sedemikian, jika Anda tidak mempunyai Akaun Norton, Anda mesti melengkapkan proses pendaftaran yang berkenaan untuk mencipta Akaun Norton bagi menggunakan Perkhidmatan. Akaun Norton mungkin tidak diperlukan jika Anda memperoleh hak untuk menggunakan Perkhidmatan daripada Pembekal yang menghendaki Anda untuk mempunyai akaun pengguna yang berbeza (“Akaun Pembekal”) untuk mencapai dan menggunakan Perkhidmatan. Sila rujuk pada dokumentasi transaksi yang berkenaan dengan Pembekal Anda bagi menentukan sama ada Akaun Norton atau Akaun Pembekal diperlukan untuk mencapai dan menggunakan Perkhidmatan. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengekalkan kerahsiaan kata laluan Akaun Norton atau Akaun Pembekal Anda. Selain itu, jika Anda memindahkan semua hak Anda dalam Perkhidmatan menurut Perjanjian ini, Anda juga harus melepaskan capaian Anda ke, atau pengurusan Perkhidmatan yang dipindahkan daripada Akaun Norton Anda. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Symantec atau lawati halaman Sokongan Symantec yang dinyatakan di bawah.

#### 5. Ciri-ciri Carian Selamat dan Sandaran Dalam Talian:

Carian Selamat. Perkhidmatan boleh termasuk ciri Carian Selamat yang menyediakan keupayaan untuk mencari dengan selamat dalam Internet kepada Anda. Ini mungkin ditawarkan melalui, tetapi tidak terhad kepada, bar alat carian atau sambungan pelayar Symantec.

Sandaran Dalam Talian.

Perisian boleh termasuk ciri sandaran dalam talian, yang menyediakan kemampuan untuk menyimpan dan mendapatkan semula data Anda pada sistem Symantec melalui Internet semasa Tempoh Perkhidmatan (“Ciri Sandaran Dalam Talian”), tertakluk kepada jumlah ruang sandaran dalam talian yang diberikan dengan Perisian Anda dan/atau yang Anda beli sebagai tambahan. Jika Anda memilih untuk menggunakan Ciri Sandaran Dalam Talian, Anda mesti melengkapkan proses pengaktifan dalam Perisian untuk mendapatkan ciri tersebut.

a. Ketersediaan. Ciri Sandaran Dalam Talian disediakan “sebagaimana sedia ada” dan “sebagaimana tersedia” dan Symantec tidak akan bertanggungjawab untuk membayar Anda bagi sebarang kehilangan atau kerugian yang berpunca daripada sebarang masa rosak Ciri Sandaran Dalam Talian disebabkan oleh penyelenggaraan berjadual yang munasabah, penyelenggaraan untuk isu kritikal atau daya di luar kawalan munasabah Symantec.

b. Kelakuan dan Tanggungjawab Pengguna; Pematuhan terhadap Undang-Undang yang Berkenaan. Penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian (termasuk penghantaran sebarang data yang Anda pilih untuk disimpan melalui Ciri Sandaran Dalam Talian (“Data”)) adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan setempat; negeri, negara dan antarabangsa yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada undang-

undang eksport Amerika Syarikat. Anda bersetuju untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan tersebut dan dengan spesifikasi yang ditetapkan dalam Dokumentasi atau dokumentasi transaksi yang berkenaan daripada pengedar, penjual semula, atau Pembekal yang diberi kuasa yang Anda peroleh Perkhidmatan dan bukan untuk (i) menggunakan Ciri Sandaran Dalam Talian untuk tujuan yang menyalahi undang-undang, (ii) menghantar atau menyimpan bahan yang boleh melanggar hak harta intelektual atau hak pihak ketiga lain atau yang melanggar undang-undang, tort, memfitnah, fitnah bertulis, atau invasif terhadap privasi orang lain; (iii) menghantar atau menyimpan data milik pihak lain tanpa mendapatkan semua kebenaran dahulu sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang daripada pemilik data untuk penghantaran data ke Symantec untuk storan di Amerika Syarikat; (iv) menghantar sebarang bahan yang mengandungi virus perisian atau kod komputer, fail atau atur cara lain yang memudaratkan seperti kuda troy, cecacing atau bom masa; (v) mengganggu atau mengendala pelayan atau rangkaian yang disambungkan kepada Ciri Sandaran Dalam Talian; atau (vi) cubaan untuk mendapatkan capaian yang tidak dibenarkan kepada Ciri Sandaran Dalam Talian, akaun pengguna Ciri Sandaran Dalam Talian, atau sistem atau rangkaian komputer yang disambungkan kepada Ciri Sandaran Dalam Talian.

Kewajipan anda dalam Seksyen ini berhubung dengan penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian terpakai kepada semua penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian yang berhubung dengan Akaun Norton Anda. Anda akan bertanggungjawab untuk penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian, dan Data yang dihantar atau disimpan melalui Ciri Sandaran Dalam Talian, berhubung dengan Akaun Norton Anda.

Setakat jumlah maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, Anda bersetuju untuk membayar Symantec, induk, subsidiari, ahli gabungan, pegawai, pengarah, pekerja dan ejennya jumlah bagi sebarang tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, kerugian, liabiliti dan perbelanjaan, termasuk yuran peguam yang munasabah, yang dibuat oleh sebarang pihak ketiga yang timbul daripada atau berhubung dengan penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian melalui Akaun Norton Anda setakat mana-mana tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, kerugian, liabiliti dan perbelanjaan yang timbul akibat daripada pelanggaran Anda terhadap Perjanjian Lesen ini atau kecuaiannya atau salah laku dengan sengaja Anda. Jumlah tersebut boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab untuk pembayaran bagi apa-apa tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, kerugian, liabiliti dan perbelanjaan yang timbul daripada atau berhubung dengan Data yang dihantar atau disimpan melalui Ciri Sandaran Dalam Talian yang berhubung dengan Akaun Norton Anda.

c. Penamatan; Penggantungan. Hak anda untuk menggunakan Ciri Sandaran Dalam Talian akan ditamatkan pada tarikh luput Tempoh Perkhidmatan. Symantec boleh menggantung atau menamatkan penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian dengan segera semasa Tempoh Perkhidmatan di atas kegagalan Anda untuk mematuhi, atau menurut kepercayaan munasabah Symantec bahawa Anda telah gagal mematuhi terma dan syarat ini (selain daripada pelanggaran remeh atau tidak penting) atau apa-apa salah guna lain Ciri Sandaran Dalam Talian. Berikutan tarikh luput atau penamatan Tempoh Perkhidmatan:

Syantec boleh memadamkan secara kekal sebarang Data yang disimpan pada ruang sandaran dalam talian yang diberikan dengan Perisian dan Perkhidmatan Anda;

Syantec tidak akan terikat untuk menyelenggara Data tersebut, memajukan Data tersebut kepada Anda atau pihak ketiga, atau memindahkan Data tersebut ke perkhidmatan atau akaun sandaran yang lain; dan

Anda tidak akan dapat menyimpan Data pada mana-mana ruang sandaran tambahan yang Anda telah beli secara berasingan kecuali dan sehingga Tempoh Perkhidmatan telah diperbaharui.

d. Pelbagai. Symantec tiada kewajipan untuk memantau penggunaan Ciri Sandaran Dalam Talian dan/atau Data yang dihantar atau disimpan melalui Ciri Sandaran Dalam Talian. Setakat maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan dan tanpa mengira peruntukan Seksyen 10 di bawah, Symantec mempunyai hak sepanjang masa untuk memantau, menyemak, mengekalkan dan/atau mendedahkan sebarang Data atau maklumat lain sebagaimana perlu untuk memenuhi sebarang undang-undang, peraturan, proses undang-undang atau permintaan kerajaan, atau untuk menyiasat tentang sebarang penggunaan atau pelanggaran Perjanjian Lesen ini yang disyaki.

6. Sokongan Teknikal:

Ciri sokongan teknikal yang tertentu boleh ditawarkan daripada dalam Perisian, yang boleh termasuk sembarang langsung dengan ejen sokongan teknikal dan/atau bantuan daripada ejen sokongan teknikal melalui capaian komputer jauh (sebarang sokongan teknikal yang sedemikian ditawarkan daripada dalam Perisian akan dirujuk dalam Perjanjian Perkhidmatan ini sebagai "Sokongan Teknikal"). Jika ciri-ciri tersebut ditawarkan dan Anda memilih untuk mencapai Sokongan Teknikal tersebut, terma yang berikut akan digunakan. Sebarang Sokongan Teknikal yang sedemikian akan diberikan mengikut budi bicara mutlak Symantec tanpa sebarang jaminan atau waranti dalam apa jenis sekali pun selain daripada sebarang jaminan yang berkenaan di bawah undang-undang pengguna dalam bidang kuasa Anda yang tidak boleh dikecualikan atau dihadkan dalam apa-apa cara sekalipun. Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melengkapkan sandaran semua data, perisian dan program Anda yang sedia ada sebelum menerima sebarang Sokongan Teknikal. Sepanjang persediaan Sokongan Teknikal, Symantec boleh menentukan bahawa isu teknikal itu di luar skop Sokongan Teknikal. Symantec mempunyai hak untuk menolak, menggantung atau menamatkan sebarang Sokongan Teknikal mengikut budi bicara mutlak.

#### 7. Perkhidmatan Pembaharuan Automatik Norton:

Pembelian langganan Norton Anda termasuk Perkhidmatan Pembaharuan Automatik. Pada akhir Tempoh Perkhidmatan Anda, Perkhidmatan akan diperbaharu dan kaedah pembayaran Anda akan dicaj harga pembaharuan semasa (serta cukai yang berkenaan) secara automatik, tanpa sebarang tindakan tambahan oleh Anda. Pada bila-bila masa selepas pembelian Anda, Anda boleh menukar seting langganan Anda, termasuk membatalkan pembaharuan automatik Anda, di [manage.norton.com](http://manage.norton.com). Caj Perkhidmatan Pembaharuan Automatik Tahunan layak untuk mendapatkan bayaran balik dalam masa enam puluh (60) hari daripada tarikh pembelian pembaharuan. Sila lihat Dasar Pemulangan Norton untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang mendapatkan bayaran balik untuk produk Norton.

#### 8. Perkhidmatan Rangkaian Peribadi Maya ("VPN")

Perkhidmatan mungkin termasuk ciri VPN ("Perkhidmatan VPN"). Perkhidmatan VPN adalah dikawal Internet dan mungkin termasuk perisian klien yang dipasang pada Peranti Anda yang berinteraksi dengan pelayan Symantec (atau pelayan milik kontraktor pihak ketiga Symantec) yang membolehkan Anda membuat sambungan peribadi maya. Semua atau sebahagian daripada Perkhidmatan yang disediakan di bawah ini boleh disediakan oleh pembekal pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada, infrastruktur rangkaian. Perisian klien pada Peranti Anda menyambung ke infrastruktur rangkaian pelayan yang digunakan di internet dan dikendalikan sebagai perkhidmatan yang diuruskan oleh Symantec dan pembekal perkhidmatan lain. Penggunaan perisian klien oleh Anda adalah tentukan oleh Perjanjian Lesen.

##### A. Penggunaan Boleh Diterima.

(i) Anda akan bertanggungjawab untuk mengekalkan dan melindungi kerahsiaan semua maklumat Akaun Norton yang diberikan oleh Anda, dan akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua aktiviti yang berlaku di bawah Akaun Norton, (kecuali sebarang aktiviti yang dijalankan oleh atau yang diberi kuasa oleh Symantec).

(ii) Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk tingkah laku Anda yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Anda secara khusus

bersetuju bahawa Anda akan mematuhi dan bekerjasama dengan Symantec untuk menguatkuasakan dan/atau mencegah

pelanggaran Akta Hak Cipta Millennium Digital yang berpotensi dan mana-mana undang-undang serupa yang Anda

tertakluk, seperti di Kesatuan Eropah pelaksanaan kebangsaan Arahan 2001/29/EC

Parlimen dan Majlis Eropah 22 Mei 2001 tentang pengharmonian

aspek hak cipta dan hak tertentu dalam masyarakat bermaklumat. Di United Kingdom semua ini terkandung dalam Akta Hak Cipta, Reka Bentuk dan Paten 1988.

Anda selanjutnya bersetuju bahawa Anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan:

- a. dengan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkenaan, atau untuk menggalakkan pelanggaran mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkenaan;
- b. untuk memuat naik, menyiarkan, atau sebaliknya menghantar apa-apa kandungan yang lucah, tidak senonoh, atau bersifat pornografi, atau yang sebaliknya tidak menyenangkan;
- c. dengan cara menipu atau mengelirukan;
- d. untuk memuat naik, menyiarkan atau menghantar kandungan yang Anda tidak mempunyai hak untuk atau yang sebaliknya akan melanggar hak harta intelektual mana-mana pihak;
- e. dengan cara yang menyalahi atau melanggar mana-mana privasi, harta intelektual, kerahsiaan, atau hak kontrak atau lain-lain;
- f. dengan cara yang menyalahi atau melanggar mana-mana penggunaan yang boleh diterima atau dasar atau terma dan syarat lain yang mungkin terpakai bagi penggunaan mana-mana sistem komputer, rangkaian atau laman web oleh Anda;
- g. untuk memfitnah, menyalahgunakan, mengganggu, menghendap, mengancam atau melanggar hak undang-undang orang lain atau mengambil tindakan yang menyerang hak privasi orang lain;
- h. untuk memuat naik, menyiarkan, atau menghantar apa-apa kandungan yang mengandungi virus atau kod komputer atau fail berbahaya lain seperti kuda Troy, cecacing, bom masa, atau sebagainya;
- i. untuk memuat naik, menyiarkan atau sebaliknya menghantar apa-apa pengiklanan yang tidak diminta atau tidak dibenarkan, bahan promosi, "mel remeh," "spam," "surat berantai," "skim piramid" atau apa-apa bentuk pengumpulan lain;
- j. untuk mencuba mendapatkan akses yang tidak dibenarkan kepada Perkhidmatan, akaun pengguna Perkhidmatan lain, atau sistem komputer atau rangkaian yang disambungkan dengan Perkhidmatan; atau untuk mengganggu atau menggendalakan Perkhidmatan atau pelayan atau rangkaian yang disambungkan dengan Perkhidmatan;
- k. memadam hak cipta atau hak propietari lain pada Perisian atau Perkhidmatan;
- l. menggunakan Perkhidmatan atau Perisian untuk apa-apa kegunaan komersial, ia difahami bahawa Perisian dan Perkhidmatan itu hanya untuk penggunaan peribadi, bukan komersial;
- m. mengalih keluar, memintas, menyahdayakan, merosakkan atau sebaliknya mengganggu ciri berkaitan keselamatan Perisian atau Perkhidmatan, ciri yang menghalang atau menyekat penggunaan atau penyalinan Perisian, atau ciri-ciri yang menguatkuasakan batasan penggunaan Perkhidmatan;
- n. jurutera balikan, menyusun semula, menyahhimpun atau sebaliknya cuba mencari kod sumber Perkhidmatan atau Perisian atau mana-mana bahagiannya, kecuali dan hanya setakat aktiviti itu dibenarkan dengan jelas oleh undang-undang yang berkenaan tanpa mengira batasan ini;
- o. mengubahsuai, menyesuaikan, menterjemah atau mencipta karya terbitan berdasarkan Perisian atau Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya, kecuali dan hanya setakat larangan yang disebutkan di atas adalah dilarang dengan jelas oleh undang-undang yang berkenaan; atau

Anda memahami bahawa, walau apa pun usaha Symantec dan terma yang terkandung dalam Perjanjian Perkhidmatan ini, Anda mungkin terdedah kepada kandungan yang Anda dapati menyinggung, tidak senonoh atau tidak menyenangkan ketika menggunakan Perkhidmatan VPN, dan, dengan demikian, Anda menggunakan Perkhidmatan VPN atas risiko Anda sendiri untuk terdedah kepada kandungan yang sedemikian.

(iii). Perubahan kepada Perkhidmatan VPN; Perubahan kepada Terma Perkhidmatan VPN. Anda akan mempunyai hak untuk menerima ciri-ciri baru kepada Perkhidmatan VPN kerana Symantec, mengikut budi bicara mutlaknya, menjadikan ciri-ciri dan versi tersebut tersedia semasa Tempoh Perkhidmatan Anda. Symantec berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kebolehgunaan dan prestasi perkhidmatannya. Untuk mengoptimumkan Perkhidmatan VPN Symantec mungkin, mengikut budi bicaranya: (i) menambah, mengubah suai atau mengalih keluar ciri-ciri Perkhidmatan VPN, atau (ii) menyekat buat sementara penggunaan Perkhidmatan VPN atau menghadkan ketersediaannya untuk melaksanakan aktiviti penyelenggaraan, pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis kepada Anda. Symantec juga mungkin mengemas kini terma Perjanjian Perkhidmatan ini dan mengesyorkan bahawa Anda menyemak terma Perjanjian Perkhidmatan ini secara berkala untuk melihat sama ada jika ia telah dikemas kini. Penggunaan berterusan Perkhidmatan VPN oleh Anda akan dianggap sebagai penerimaan Anda kepada terma Perjanjian Perkhidmatan yang dikemas kini ini.

(iv). Penamatan dan Penggantungan. Hak anda untuk menggunakan Perkhidmatan VPN akan tamat pada tarikh luput Tempoh Perkhidmatan. Di samping itu, Symantec mungkin, mengikut budi bicaranya semata-mata, menggantung atau menamatkan penggunaan dengan segera Perkhidmatan VPN anda pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis kepada Anda jika Anda melanggar, atau Symantec dengan munasabah percaya bahawa Anda telah melanggar, terma Perjanjian Perkhidmatan ini, atau jika penggunaan Perkhidmatan VPN oleh Anda mungkin menyebabkan Symantec menanggung liabiliti undang-undang atau mengganggu penggunaan Perkhidmatan VPN oleh orang lain (dalam keadaan ini tiada bayaran balik akan dilakukan).

#### 9. Jaminan Bayar Balik Wang:

Jika Anda adalah pemegang lesen asal Perisian dan Perkhidmatan dan tidak berpuas hati sepenuhnya dengannya atas apa-apa sebab, jangan gunakan lagi Perisian dan Perkhidmatan dan hubungi (i) penjual semula sah yang menjualkan Perisian dan Perkhidmatan kepada Anda, atau (ii) penjual semula yang diberi kuasa yang menjualkan Peranti yang termasuk Perisian dan Perkhidmatan kepada Anda sebagai dipramuatkannya dalam Peranti, jika Anda mendapatkan Perisian dan Perkhidmatan sebagai sebahagian daripada tawaran kelompok Peranti, atau (iii) Perkhidmatan Pelanggan Symantec, menggunakan butiran hubungan yang ditetapkan dalam Seksyen 12 Perjanjian Perkhidmatan ini, untuk mendapatkan maklumat tentang cara mendapatkan bayaran balik jumlah yang Anda bayar untuk Tempoh Perkhidmatan semasa (tidak termasuk penghantaran, pengendalian dan apa-apa cukai yang dikenakan kecuali di negeri dan negara tertentu yang mana penghantaran, pengendalian dan cukai boleh dikembalikan) pada bila-bila masa semasa tempoh enam puluh (60) hari berikutan tarikh pembelian langganan tahunan, dalam masa enam puluh (60) hari daripada pembelian tarikh pembelian pembaharuan semula automatik bagi langganan tahunan, atau dalam masa tiga puluh (30) hari berikutan tarikh pembelian langganan bulanan ("Bayaran Balik").

Untuk mengelakkan keraguan, Bayaran balik tidak akan dikenakan jika Anda memperoleh Perisian dan Perkhidmatan daripada Pembekal kami. Tambahan pula, Bayaran balik tidak akan dikenakan kepada pembelian semula produk Norton yang sama yang telah dibeli dan dibayar balik sebelum ini.

#### 10. Privasi; Perlindungan Data

(a) Apabila Anda menggunakan Perkhidmatan, Dasar Privasi Symantec yang tersedia untuk semakan melalui pautan "Dasar Privasi" akan dikenakan.

(b) Pengumpulan Data Perkhidmatan VPN; Peraturan Perlindungan Data. Berhubungan dengan penggunaan Perkhidmatan VPN oleh Anda, Symantec mungkin mengumpul dan mengekalkan, mendedahkan, memindahkan dan sebaliknya memproses data tertentu daripada Anda. Data ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, data peribadi tentang Anda, peranti atau sistem Anda atau Penggunaan Perkhidmatan oleh Anda, seperti maklumat pelanggan dan data peranti mudah alih, penggunaan jalur lebar agregat, dan data penggunaan sementara. Pengumpulan data ini diperlukan untuk (a) mendayakan, mengoptimumkan dan menyediakan Perkhidmatan atau penyelenggaraan/sokongan kepada Anda (dan Symantec mungkin melibatkan pihak ketiga untuk juga melakukannya); (b) memahami penggunaan produk dan meningkatkan pengalaman pengguna dalam produk dan perkhidmatan secara umum; dan (c) menyediakan pengebilan, operasi dan sokongan rangkaian. Dengan memasang dan/atau menggunakan Perkhidmatan, Anda bersetuju untuk membenarkan Symantec

mengumpulkan data peribadi seperti yang diterangkan dalam seksyen ini.

(c) Apabila Anda meminta Perkhidmatan Sokongan Teknikal, maklumat berikut akan dikumpulkan dan dihantar daripada Peranti Anda kepada Symantec melalui sambungan Internet:

- Maklumat yang diberikan oleh Anda kepada wakil perkhidmatan Symantec melalui telefon atau dimasukkan oleh Anda ke dalam antara muka dalam talian Symantec apabila meminta Perkhidmatan; dan
- Jenis dan versi sistem pengendalian dan pelayar Internet yang digunakan oleh Peranti Anda.

Semasa sesi Perkhidmatan Anda, jika Alat Perisian Sokongan dipasang, maklumat berikut mungkin dikumpulkan oleh Alat Perisian Sokongan dan dihantar kepada Symantec melalui sambungan yang selamat:

- Bilangan fail yang diimbas, ancaman dijumpai, dan ancaman yang dibaiki oleh Alat Perisian Sokongan;
- Jenis ancaman yang dijumpai;
- Bilangan dan jenis ancaman yang masih belum dibaiki oleh Alat Perisian Sokongan;
- Sama ada tembok api adalah aktif;
- Sama ada perisian antivirus dipasang, berjalan, dan terkini;
- Maklumat pelayar termasuk seting keselamatan dan fail sementara;
- Maklumat sistem yang berkaitan dengan sistem pengendalian, ruang ingatan dan cakera, konfigurasi proksi, dan senarai direktori untuk Alat Perisian Sokongan;
- Status keselamatan (baik/serdana/lemah) Peranti seperti yang ditentukan oleh Alat Perisian Sokongan;
- Program yang dipasang dan maklumat proses aktif; dan
- Maklumat fail log aplikasi dan data daftaran.

(d) Selain itu, sebarang Data yang Anda pilih untuk hantar atau simpan melalui Ciri Sandaran Dalam Talian (jika tersedia) akan dipindahkan ke dan disimpan dalam pelayan yang terletak di negara yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang kurang tegas berbanding negara di mana Anda berada (termasuk tanpa pembatasan Amerika Syarikat). Pelayan ini dikendalikan oleh pemproses pihak ketiga yang dikehendaki oleh Symantec mengikut kontrak undang-undang bagi melindungi Data Anda. Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang cara Data Anda dikendalikan, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Symantec menggunakan butiran hubungan di Seksyen [12] 'Umum'.

Semua maklumat yang dikumpul seperti yang dinyatakan di atas adalah perlu bagi tujuan menyampaikan Perkhidmatan termasuk menganalisis, mendiagnosis, menyelesaikan masalah yang Anda hadapi, dan mengoptimalkan kefungsiannya produk dan perkhidmatan Symantec. Maklumat ini boleh dipindahkan kepada kumpulan Symantec di Amerika Syarikat atau negara lain yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang kurang tegas berbanding rantau tempat Anda berada (termasuk Kesatuan Eropah), tetapi Symantec telah mengambil langkah-langkah supaya maklumat yang dikumpulkan, jika dipindahkan, menerima tahap perlindungan yang mencukupi.

Symantec boleh mendedahkan maklumat terkumpul jika diminta berbuat demikian oleh seorang pegawai penguatkuasa undang-undang seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau sebagai respons kepada sepina atau proses undang-undang lain. Untuk menggalakkan kesedaran, pengesanan dan pencegahan risiko keselamatan Internet, Symantec boleh berkongsi maklumat tertentu dengan organisasi penyelidikan dan vendor perisian keselamatan yang lain. Symantec boleh juga menggunakan statistik yang diperoleh daripada maklumat untuk menjejaki dan menerbitkan laporan tentang trend risiko keselamatan.

Butiran penuh dasar privasi Symantec boleh didapati di sini:



<https://www.symantec.com/privacy>

## 11. Maklumat Penting Lain

### 11.1. Penafian Waranti.

#### **Untuk pelanggan perniagaan**

SETAKAT YANG MAKSIMUM DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, (i) WARANTI DI ATAS ADALAH EKSKLUSIF DAN SEBAGAI GANTI SEMUA WARANTI LAIN, SAMA ADA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK WARANTI TERSIRAT KUALITI YANG MEMUASKAN DAN KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN (ii) SYMANTEC TIDAK MEMBERI SEBARANG WARANTI BERHUBUNG DENGAN TIDAK BERLAKUNYA PELANGGARAN HAK MILIK INTELEKTUAL.

PERUNDANGAN YANG TERTENTU BOLEH MENYATAKAN JAMINAN ATAU MENGENAKAN KEWAJIPAN TERHADAP SYMANTEC YANG (i) TIDAK BOLEH DIKECUALIKAN, DISEKAT ATAU DIUBAH SUAI, ATAU (ii) TIDAK BOLEH DIKECUALIKAN, DISEKAT ATAU DIUBAH SUAI KECUALI SETAKAT YANG TERHAD. PERJANJIAN INI MESTI DIBACA TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN BERKANUN INI. JIKA PERUNTUKAN BERKANUN INI TERPAKAI, TANPA MENGIKUT SEBARANG PERUNTUKAN LAIN DALAM PERJANJIAN INI DAN SETAKAT MANA SYMANTEC BERHAK UNTUK MELAKUKANNYA, SYMANTEC MENGEHADKAN LIABILITNYA BERHUBUNG DENGAN SEBARANG TUNTUTAN DI BAWAH PERUNTUKAN TERSEBUT UNTUK, BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN, MENGIKUT PILIHAN SYMANTEC, PENGGANTIAN PERKHIDMATAN ATAU PERKHIDMATAN YANG SAMA; PEMBAIKAN PERKHIDMATAN, PEMBAYARAN KOS PENGGANTIAN PERKHIDMATAN ATAU UNTUK MEMPEROLEH PERKHIDMATAN YANG SAMA; ATAU PEMBAYARAN KOS MEMILIKI PERKHIDMATAN YANG DIBAIKI ATAU BERHUBUNG DENGAN MANA-MANA PERKHIDMATAN, MENGIKUT PILIHAN SYMANTEC, PEMBEKALAN SEMULA PERKHIDMATAN ATAU PEMBAYARAN KOS UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN. SILA TULIS KEPADA (I) SYMANTEC CONSUMER SUPPORT, PO BOX 5689, DUBLIN 15, IRELAND ATAU (II) SYMANTEC CUSTOMER SERVICE DI LEVEL 3, 437 ST KILDA RD, MELBOURNE, VIC 3004, AUSTRALIA ATAU LAWATI HALAMAN SOKONGAN UNTUK NEGARA ATAU RANTAU ANDA, YANG TERLETAK DI <https://www.symantec.com/globalsites/> UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT TENTANG PENGGANTIAN PERKHIDMATAN ATAU UNTUK MENDAPATKAN BAYARAN BALIK JUMLAH YANG ANDA TELAH BAYAR UNTUK TEMPOH PERKHIDMATAN SEMASA PADA BILA-BILA MASA SEMASA TEMPOH ENAM PULUH (60) HARI BERIKUTAN TARIKH PEMBELIAN LANGGANAN TAHUNAN ATAU DALAM MASA TIGA PULUH (30) HARI BERIKUTAN TARIKH PEMBELIAN LANGGANAN BULANAN.

#### **Untuk Pelanggan Pengguna**

Selain daripada jaminan yang disediakan oleh Symantec kepada Anda di bawah Seksyen 7 TAMBAHAN PERKHIDMATAN KEPADA PERJANJIAN LESEN NORTON - TERMA DAN SYARAT UNTUK PERKHIDMATAN TAMBAHAN dan hak yang terutang kepada Anda sebagai Pengguna, Symantec tidak memberi jaminan lanjut berhubung dengan Perisian dan Perkhidmatan.

Sila tulis kepada (i) Symantec Consumer Support, PO Box 5689, Dublin 15, Ireland atau lawati halaman Sokongan untuk negara atau rantau Anda, yang terletak di <https://www.symantec.com/globalsites/> untuk mendapatkan maklumat tentang penggantian media yang rosak atau untuk mendapatkan bayaran balik jumlah yang telah Anda bayar untuk Tempoh Perkhidmatan semasa pada bila-bila masa semasa tempoh enam puluh (60) hari berikutan tarikh pembelian langganan tahunan atau dalam masa tiga puluh (30) hari berikutan tarikh pembelian langganan bulanan.

### 11.2. Batasan Liabiliti.

#### 11.2.1 Liabiliti kepada Pelanggan Perniagaan:

Jika anda seorang Pengguna, peruntukan berikut daripada Seksyen 9.2.1 tidak digunakan kepada Anda melainkan setakat di bawah undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa Anda, peruntukan pengguna yang tertentu digunakan kepada penggunaan Perkhidmatan oleh Anda tanpa mengira penggunaan tersebut adalah untuk tujuan perniagaan, perdagangan atau profesional. Sila baca Seksyen 9.2.2 pula.

Jika anda seorang pelanggan perniagaan (iaitu, Anda menggunakan Perkhidmatan dalam menjalankan perniagaan, perdagangan atau profesion (“Pelanggan Perniagaan”)), peruntukan yang berikut dalam Seksyen 9.2.1 digunakan kepada Anda (tanpa mengira sama ada Anda menerima Perkhidmatan tersebut atau tidak).

A. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN SYMANTEC ATAU PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA (KERANA KECUAIAN, KONTRAK ATAU SEBALIKNYA) BAGI KEHILANGAN KEUNTUNGAN, HASIL, KONTRAK PERNIAGAAN, PENJIMATAN YANG DIJANGKA ATAU DATA YANG HILANG ATAU ROSAK YANG BERPUNCA DARIPADA PENGGUNAAN ATAU KETAKMAMPUAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN (TERMSUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA PENGGUNAAN CIRI SANDARAN DALAM TALIAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL) ATAU KE ATAS SEBARANG KEROSAKAN KHAS, LANJUTAN, TIDAK LANGSUNG, ATAU KEROSAKAN YANG SEUMPAMANYA, WALAUPUN JIKA SYMANTEC TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINANNYA KEROSAKAN YANG SEDEMIKIAN.

B. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, LIABILITI SYMANTEC ATAU PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA PEMBELIAN YANG TELAH ANDA BAYAR UNTUK TEMPOH PERKHIDMATAN YANG BERKENAAN.

C. Symantec akan dipertanggungjawabkan kepada Anda tanpa batasan jika (a) Anda meninggal dunia atau tercedera akibat daripada kecuaiian Symantec atau (b) Anda mengalami kerugian atau kerosakan kerana Symantec telah melakukan penipuan.

#### 11.2.2 Liabiliti kepada Pengguna:

Jika Anda seorang Pengguna, Seksyen 9.2.2 ini diguna kepada Anda. Sila baca dengan teliti. Seksyen 9.2.2 tidak terpakai kepada Anda jika Anda adalah Pelanggan Perniagaan. Symantec akan dipertanggungjawabkan kepada Anda tanpa batasan jika (a) Anda meninggal dunia atau tercedera akibat daripada kecuaiian Symantec atau (b) Anda mengalami kerugian atau kerosakan kerana Symantec telah melakukan penipuan.

A. Tertakluk pada peruntukan sebelumnya dalam Seksyen 9.2.2, ini, Symantec tidak akan bertanggungjawab membayar Anda untuk apa-apa kerugian yang tidak munasabah yang dapat dijangka akibat pelanggaran Perjanjian Lesen ini oleh Symantec. Sebagai Pengguna, penggunaan Perkhidmatan oleh Anda adalah bersifat bukan komersial. Symantec hendaklah oleh itu tidak bertanggungjawab kepada Anda untuk apa-apa kehilangan keuntungan, hasil, jangkaan penjimatan, kontrak atau masa yang timbul daripada Penggunaan atau ketidakupayaan Anda untuk menggunakan Perisian. sehingga kegagalan utama.

B. Kami amat mengesyorkan agar Anda membuat sandaran data Anda dengan kerap.

C. Anda akan sentiasa bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian Anda.

11.3. Hak Proprietari. Symantec mengekalkan pemilikan semua hak proprietari dalam Perkhidmatan dan dalam semua nama dagangan, tanda dagangan dan tanda perkhidmatan yang berkaitan atau dipaparkan dengan Perkhidmatan. Anda tidak akan mengalih keluar, mencatatkan atau mengaburkan mana-mana notis hak cipta atau tanda dagangan dan/atau petunjuk atau notis proprietari Symantec lain pada, digabungkan di dalamnya, atau berkaitan dengan Perkhidmatan. Anda tidak boleh jurutera balikan, menyusun berbalik atau sebaliknya menjadikan bentuk boleh dibaca mana-mana Perkhidmatan.

11.4. Force Majeure. Setakat maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, Symantec tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan untuk melaksanakan disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga atau sebab di luar kawalan Symantec yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada

bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rusuhan, embargo, tindakan pihak berkuasa sivil atau tentera, serangan pengganas atau ancaman serangan pengganas, kebakaran, banjir, kemalangan, mogok, sekat masuk, kegagalan rangkaian telekomunikasi dan infrastruktur awam atau swasta, atau kekurangan pengangkutan, kemudahan, bahan bakar, tenaga, buruh atau bahan. Sekiranya berlaku sebarang kelewatan sedemikian, Symantec boleh dikecualikan daripada pelaksanaan sedemikian sehingga selama mana ia ditangguhkan atau dihalang oleh sebab sedemikian.

11.5. Peraturan Eksport. Anda mengakui bahawa Perkhidmatan dan data teknikal dan perkhidmatan berkaitan (secara kolektif "Teknologi Terkawal") boleh tertakluk kepada undang-undang import dan eksport Amerika Syarikat, secara khususnya Peraturan Pentadbiran Eksport A.S. (EAR), dan undang-undang mana-mana negara di mana Teknologi Terkawal diimport atau dieksport semula. Anda bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan tidak akan mengeksport sebarang Teknologi Terkawal yang melanggar undang-undang A.S. mahupun ke negara lain, entiti, atau orang yang dilarang yang memerlukan lesen eksport atau kelulusan kerajaan lain. Semua produk Norton dilarang untuk dieksport atau dieksport semula ke Cuba, Korea Utara, Iran, Syria dan Sudan dan kepada mana-mana negara yang tertakluk pada sekatan perdagangan yang relevan, termasuk Afghanistan dan Iraq. Anda dengan ini bersetuju bahawa Anda tidak akan mengeksport atau menjual mana-mana Teknologi Terkawal untuk digunakan berkaitan dengan senjata kimia, biologi, atau nuklear, atau peluru berpandu, drone atau kenderaan pelancaran angkasa yang mampu menyampaikan senjata tersebut.

## 12. Umum

A. Undang-undang yang Menentukan. Terma ini akan ditentukan oleh undang-undang England dan Wales. Tiada apa-apa dalam Terma ini akan mengurangkan sebarang hak yang Anda mungkin ada di bawah perundangan perlindungan pengguna yang sedia ada atau undang-undang berkenaan yang lain dalam bidang kuasa Anda yang tidak boleh diketepikan oleh kontrak.

B. Keseluruhan Perjanjian. Terma ini adalah keseluruhan perjanjian antara Anda dan Symantec yang berkaitan

dengan Perkhidmatan

dan: (i) menggantikan semua komunikasi, usul dan nyataan lisan atau bertulis yang terdahulu atau serentak berhubung dengan bahannya; dan (ii) mengatasi sebarang terma yang bercanggah atau tambahan bagi mana-mana petikan, urutan, pengesahan, atau komunikasi yang serupa antara pihak-pihak. Terma tersebut akan ditamatkan dengan serta-merta apabila melanggar Terma Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada: pelanggaran Tanggungjawab Asas Anda, termasuk kewajipan pembayaran dan bukan pindah, di bawah Seksyen 1 atau 4 di sini, dan/atau pelanggaran hak proprietari Symantec, atau undang-undang import dan eksport yang berkenaan di bawah Seksyen 11.3 atau 11.5 di sini, dan Anda hendaklah dengan serta-merta berhenti menggunakan Perkhidmatan. Penafian waranti dan kerosakan dan batasan terhadap liabiliti yang dinyatakan dalam Terma ini akan terus kekal selepas penamatan. Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Terma, atau jika Anda berhasrat untuk menghubungi Symantec atas sebarang sebab, sila tulis kepada Symantec Customer Support, PO Box 5689, Dublin 15, Ireland atau lawati halaman sokongan untuk negara atau wilayah Anda, yang boleh didapati di <https://www.symantec.com/globalsites/>. Symantec tidak akan memfailkan salinan Terma tersebut.

CPS / SUBS\_SOS 22.15 / IE

## 2. JANJI PERLINDUNGAN VIRUS NORTON

JIKA ANDA MEMILIH ATAU MEMULAKAN PERKHIDMATAN BERTAJUK "JANJI PERLINDUNGAN VIRUS NORTON" ("PERKHIDMATAN") MELALUI LAMAN WEB SYMANTEC ("LAMAN"), TERMA DAN SYARAT BERIKUT ("TERMA") AKAN TERPAKAI. TERMA INI MERUPAKAN KONTRAK YANG SAH DAN BOLEH DIKUATKUASAKAN ANTARA SYMANTEC CORPORATION DAN AHLI GABUNGANNYA ("SYMANTEC") DAN ANDA BAGI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN. PERKHIDMATAN MEMBERI ANDA CAPAIAN 24/7 KEPADA PAKAR NORTONLIVE DARI SYMANTEC. "ANDA" MERUJUK KEPADA INDIVIDU YANG MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TERSEBUT. DASAR DAN BAHAN YANG DIRUJUK SECARA KHUSUS DALAM TERMA

DISEPADUKAN DALAM ISTILAH MENGIKUT RUJUKAN. SEBELUM ANDA KLIK PADA BUTANG “SAYA TERIMA” ATAU “BERSETUJU”, ATAU SEBALIKNYA MENANDAKAN PERSETUJUAN UNTUK MENERUSKAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN, SILA BACA TERMA DI BAWAH DENGAN TELITI.

JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA, MAKA SYMANTEC TIDAK BERSEEDIA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA ANDA. DALAM HAL INI ANDA HARUS: (A) KLIK BUTANG “BATALKAN” ATAU BUTANG LAIN YANG SERUPA, ATAU SEBALIKNYA MENUNJUKKAN KEENGGANAN; DAN (B) TIDAK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN DAN MENGHUBUNGI PERKHIDMATAN PELANGGAN SYMANTEC, MENGGUNAKAN BUTIRAN HUBUNGAN DALAM PERJANJIAN LESEN YANG BERKENAAN.

**NOTIS PENTING – TEMPOH PENEBUSAN TERHAD DAN HAK BAYARAN BALIK:**

- **JIKA ANDA TELAH MEMPEROLEH PERKHIDMATAN MELALUI PEMBELIAN DALAM TALIAN MELALUI NORTON.COM, MAKA HAK UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TERSEBUT AKAN BERMULA PADA TARIKH ANDA MEMBELI LANGGANAN NORTON ANDA YANG MERANGKUMI PERKHIDMATAN TERSEBUT DAN AKAN BERAKHIR UNTUK TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN DALAM DOKUMENTASI LANGGANAN NORTON YANG DIBELI.**
- **JIKA ANDA TELAH MEMPEROLEH PERKHIDMATAN MELALUI PENDAFTARAN ANDA DALAM PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN AUTOMATIK NORTON, MAKA HAK UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TERSEBUT AKAN BERMULA PADA TARIKH PENDAFTARAN ANDA DAN AKAN BERAKHIR SELAMA TEMPOH LANGGANAN NORTON SEMASA ANDA ATAU SEHINGGA ANDA MEMBATALKAN PENDAFTARAN ANDA DI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN AUTOMATIK NORTON, YANG MANA BERLAKU LEBIH AWAL.**

**NOTA: SESETENGAH NEGERI DAN BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN BATASAN HAK BAYARAN BALIK SEPERTI YANG DIJELASKAN DALAM KLAUSA INI JADI KLAUSA INI MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA. TAMBAHAN PULA, KLAUSA INI TIDAK MENJEJASKAN SEBARANG HAK BAYARAN BALIK LAIN YANG BERKENAAN. DENGAN MENKLIK PADA BUTANG “SAYA TERIMA” ATAU “SAYA BERSETUJU”, ATAU DENGAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN, ANDA DIANGGAP TELAH MENERIMA DAN BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN TERMA.**

Janji Perlindungan Virus Norton

Janji Perlindungan Virus termasuk perkhidmatan penyingkiran virus yang disediakan oleh pakar Norton dan dilengkapi dengan langganan Norton yang layak berikut: Norton Security (Standard, Deluxe, atau Premium), Norton Small Business, Norton Internet Security, Norton AntiVirus, Norton 360 dan Norton 360 Multi-Device. Sekiranya ada kemungkinan bahawa kami tidak dapat mengalih keluar virus daripada Peranti anda, Anda mungkin berhak mendapat bayaran balik langganan Norton atau pakej Norton (mana berkenaan). Untuk berhak mendapatkan bayaran balik, terma dan syarat berikut terpakai:

- (a) Kecuali jika Anda seorang pelanggan Norton Small Business, Anda mesti membeli, memperbaharui, atau menaik taraf langganan Norton yang layak secara terus daripada Norton.com, atau melanggan Perkhidmatan Pembaruan Automatik Norton dengan langganan Norton yang layak;
- (b) Bayaran balik anda akan menjadi bayaran balik penuh berdasarkan harga sebenar yang dibayar untuk tempoh langganan Norton semasa Anda. Jika Anda membeli pakej Norton (ditakrifkan sebagai langganan Norton dan/atau perkhidmatan Norton), bayaran balik Anda akan berdasarkan harga sebenar yang dibayar untuk tempoh pakej Norton semasa Anda. Atau, jika pembelian pakej anda mengandungi langganan Norton dengan langganan/produk bukan Norton, bayaran balik Anda akan terhad kepada Harga Runcit Disyorkan Pengilang (MSRP) langganan Norton Anda untuk tempoh semasa, tidak melebihi jumlah harga yang dibayar untuk pakej itu. Bayaran balik akan ditolak apa-apa diskaun atau bayaran balik yang diterima dan tolak apa-apa penghantaran, pengendalian dan apa-apa cukai yang dikenakan, kecuali di negeri dan negara yang mana penghantaran, pengendalian dan cukai boleh dibayar balik;
- (c) Jika Anda telah membeli langganan Norton daripada peruncit, bukti pembelian diperlukan;
- (d) Symantec tidak bertanggungjawab, dan bayaran balik TIDAK terpakai bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat daripada virus; dan
- (e) Undang-undang atau peraturan yang berkenaan di negara yang mana perkhidmatan penyingkiran virus yang dilakukan mungkin menghadkan atau mengubah ketersediaan atau skop Janji Perlindungan Virus.

## 1. Perkhidmatan

### 1.1. Gambaran Keseluruhan Perkhidmatan

(1) Pengenalan. Symantec akan menyediakan Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan berdasarkan bahawa penggunaan Perkhidmatan oleh Anda akan bukan komersial. Wakil perkhidmatan Symantec akan cuba menyediakan Perkhidmatan kepada Anda melalui telefon, melalui sesi sembang langsung pada Peranti anda atau melalui e-mel. Untuk mengoptimumkan Perkhidmatan, dan semata-mata setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Symantec boleh, mengikut budi bicaranya, mengubah suai ciri atau perihalan Perkhidmatan dari semasa ke semasa; walau bagaimanapun ini tidak akan menjejaskan kualiti sebarang Perkhidmatan tertentu yang Symantec telah bersetuju dengan jelas untuk menyediakan kepada Anda.

(2) Alat Perisian Sokongan dan Capaian Jauh. Semasa sesi Perkhidmatan, Symantec boleh (i) meminta Anda untuk memasang perisian sokongan tertentu pada peranti anda dengan memuat turun perisian sokongan daripada Laman dan/atau (ii) meminta kebenaran Anda untuk menggunakan alat bantuan jauh melalui wakil perkhidmatan Symantec untuk mendayakan Symantec mencapai dan mengawal peranti anda dari jauh; dan/atau (iii) menggunakan perisian sokongan pihak ketiga tertentu pada peranti Anda, yang akan dialih keluar setelah selesai sesi Perkhidmatan. Perisian sokongan (termasuk sebarang perisian sokongan pihak ketiga) dan alat bantuan jauh dimiliki oleh Symantec atau pemberi lesen dan pembekal pihak ketiga yang berkenaan dan mungkin secara kolektif dirujuk sebagai "Alat Peranti Sokongan" dalam Terma. Alat Perisian Sokongan akan digunakan untuk menganalisis, mendiagnosis, menyelesaikan masalah yang lebih sukar dan/atau menyediakan fungsi pengoptimuman sistem. Anda boleh menggunakan Alat Perisian Sokongan hanya sebagai sebahagian daripada atau untuk digunakan dengan Perkhidmatan dan bukan untuk tujuan lain. Dengan memilih untuk menerima sokongan, Anda bersetuju untuk membenarkan Symantec menggunakan apa-apa Alat Perisian Sokongan yang dianggap perlu untuk memperbaiki peranti Anda, termasuk capaian jauh. Anda memahami bahawa jika capaian jauh digunakan pada peranti Anda, tidak akan ada perisian sisa daripada sesi Perkhidmatan; walau bagaimanapun, mungkin ada laporan yang dicipta oleh xml atau flash. Anda juga memahami bahawa jika Anda memilih untuk memasang Alat Peranti Sokongan pada peranti Anda, dengan memuat turun Alat Peranti Sokongan, Anda bersetuju untuk menggunakan Alat Peranti Sokongan mengikut Perjanjian Penggunaan Alat Peranti Sokongan Symantec yang terdapat di [ftp://ftp.symantec.com/public/english\\_us\\_canada/premium\\_services/Support\\_Tool\\_EULA.pdf](ftp://ftp.symantec.com/public/english_us_canada/premium_services/Support_Tool_EULA.pdf) ("Perjanjian Penggunaan Alat Peranti Sokongan"). Dalam hal sedemikian, Anda akan berhenti menggunakan Alat Perisian Sokongan dan mengalihnya keluar daripada peranti Anda pada akhir sesi Perkhidmatan.

Syantec mungkin, tetapi tidak bertanggungjawab untuk, memantau dan merekodkan sesi Perkhidmatan, termasuk panggilan telefon dan sesi dalam talian untuk tujuan meningkatkan perkhidmatan pelanggan, latihan dalaman dan penyelidikan pasaran dalaman. Anda dengan ini memberi kebenaran kepada Symantec untuk memantau dan merekodkan Perkhidmatan dan menggunakan atau mendedahkan sebarang maklumat yang diperlukan atau sewajarnya untuk memenuhi sebarang permintaan undang-undang, peraturan atau permintaan kerajaan yang lain; untuk menyediakan Perkhidmatan kepada Anda atau pengguna lain dan untuk meningkatkan jenis Perkhidmatan yang disediakan oleh Symantec kepada Anda pada masa akan datang. Anda juga memberikan kebenaran Symantec untuk menggabungkan maklumat anda dengan orang lain dengan cara yang tidak mengenal pasti Anda atau mana-mana individu secara peribadi untuk meningkatkan Perkhidmatan, untuk tujuan latihan, pemasaran dan promosi, dan untuk tujuan perniagaan yang lain.

(3) Perihalan Perkhidmatan, Keperluan Minimum. Sesetengah peranti mungkin tidak dapat menerima Perkhidmatan walaupun jika ujian awal menunjukkan bahawa sambungan Anda layak atau persekitaran peranti Anda sesuai. Untuk menerima Perkhidmatan, sambungan internet berkelajuan tinggi diperlukan. Symantec hendaklah menyediakan Perkhidmatan tertakluk kepada Anda memenuhi keperluan sistem minimum yang berikut:

Windows XP 32-Bit (Pek Khidmat 3 atau lebih baharu) Professional, Home Edition atau Media Center 2005

- 500 MHz CPU
- 512 MB RAM
- 500 MB ruang cakera keras tersedia
- Super VGA (800 x 600) atau resolusi yang lebih tinggi (penyesuai video)

- Anda perlu log masuk sebagai pentadbir

Windows Vista 32-bit atau 64-bit (semua Pek Khidmat) Home Basic, Home Premium, Business atau Ultimate

- 1 GHz CPU
- 512 MB RAM diperlukan (1 GB disyorkan)
- 500 MB (32-bit) atau 850 MB (64-bit) ruang cakera keras tersedia
- Super VGA (800 x 600) atau resolusi yang lebih tinggi (penyesuai video)
- Anda perlu log masuk sebagai pentadbir

Windows 7 32-bit atau 64-bit (semua Pek Khidmat) Home Basic, Home Premium, Business atau Ultimate

- 1 GHz CPU
- 512 MB RAM diperlukan (1 GB disyorkan)
- 500 MB (32-bit) atau 850 MB (64-bit) ruang cakera keras tersedia
- Super VGA (800 x 600) atau resolusi yang lebih tinggi (penyesuai video)
- Anda perlu log masuk sebagai pentadbir

Windows 8 32-bit (semua Pek Khidmat) Home Basic, Home Premium, Business atau Ultimate

- 1 GHz CPU
- 512 MB RAM diperlukan (1 GB disyorkan)
- 500 MB (32-bit) atau 850 MB (64-bit) ruang cakera keras tersedia
- Super VGA (800 x 600) atau resolusi yang lebih tinggi (penyesuai video)
- Anda perlu log masuk sebagai pentadbir

Windows 10 (semua Pek Khidmat) Home atau Pro

- 1 GHz CPU atau lebih laju
- 1 GB (32-bit) atau 2GB (64-bit)
- 16 GB (32-bit) atau 20 GB (64-bit) ruang cakera keras tersedia
- Peranti grafik Microsoft DirectX 9 dengan pemacu WDDM 1.0
- Paparan serasi resolusi 800x600
- Anda perlu log masuk sebagai pentadbir

Keperluan Mac®

- Mac OS X 10.5, 10.7, 10.8 dan 10.9
- Sekurang-kurangnya 256 MB RAM
- Pelanggan mesti mempunyai capaian peringkat pentadbir kepada Mac
- Mac mesti dapat menyambung ke Internet

Android™

- OS versi 2.3 atau yang lebih baharu (mesti mempunyai aplikasi Google™ Play dipasang)

iOS®

- OS versi 6 atau lebih baharu

## 1.2. Usaha Komersial Munasabah.

(i) Walaupun Symantec akan melakukan segala usaha yang munasabah secara komersial untuk melaksanakan Perkhidmatan, kedua-dua Anda dan Symantec memahami dan bersetuju bahawa tidak semua virus boleh dialih keluar melalui Perkhidmatan, dan Symantec tidak menjamin bahawa ia akan mengalih keluar semua virus daripada peranti anda.

(ii) Sepanjang persediaan Perkhidmatan, Symantec boleh menentukan bahawa isu itu di luar skop

Perkhidmatan. Symantec boleh menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk merujuk Anda kepada sumber alternatif yang sesuai; walau bagaimanapun, Symantec tidak akan memindahkan Anda secara langsung kepada sumber alternatif. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Symantec berhak untuk menolak, menggantung atau menamatkan mana-mana Perkhidmatan mengikut budi bicara mutlakanya.

## **2. Tanggungjawab Anda**

2.1. Tanggungjawab Asas. Anda bersetuju bahawa Anda seorang pemegang lesen sah perisian pada peranti Anda dan penggunaan internet oleh Anda adalah semata-mata atas risiko Anda sendiri. Dengan memilih untuk menerima Perkhidmatan, Anda mengesahkan bahawa Anda (a) mempunyai capaian penuh kepada perkakasan dan perisian Anda yang menjadi asas masalah, dan (b) telah melengkapkan sandaran apa-apa perisian atau data ke media berasingan pada perkakasan yang mungkin dipengaruhi oleh Perkhidmatan. Semua maklumat yang Anda berikan kepada Symantec mestilah tepat dan lengkap, termasuk nama dan alamat Anda, dan jika berkenaan, sebarang nombor kad kredit atau kad caj, tarikh tamat tempoh atau apa-apa maklumat pembayaran lain yang disediakan oleh anda kepada Symantec. Anda seterusnya menyatakan bahawa anda memberi kuasa kepada Symantec untuk mengebil kad kredit atau kad debit (mengikut mana yang berkenaan) yang Anda berikan kepada Symantec, untuk apa-apa caj yang anda benarkan.

2.2. Pelepasan Liabiliti. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Symantec tidak mempunyai liabiliti untuk kehilangan atau pemulihan data, program, atau kehilangan penggunaan sistem atau rangkaian yang timbul daripada Perkhidmatan atau apa-apa perbuatan atau peninggalan, termasuk kecuaiian, oleh Symantec dan/atau wakilnya. Sekiranya Symantec bekerjasama dengan Anda menyelesaikan sebarang masalah kata laluan atau masalah yang berorientasikan kawalan capaian lain, Symantec amat mengesyorkan bahawa Anda menetapkan semula kata laluan sedemikian segera selepas selesai Perkhidmatan.

2.3. Tiada Pemindahan. Perkhidmatan tidak boleh dipindahkan. Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan berhubung dengan biro perkhidmatan atau mana-mana pengaturan pengedaran atau perkongsian lain, bagi pihak mana-mana pihak ketiga atau berkenaan dengan apa-apa perkakasan atau perisian yang tidak dimiliki sendiri oleh Anda.

## **3. Privasi; Perlindungan Data**

Apabila Anda melawat Laman ini, Dasar Privasi Symantec yang tersedia untuk semakan melalui pautan “Dasar Privasi” yang muncul di Tapak akan dikenakan.

Apabila Anda meminta Perkhidmatan, maklumat berikut akan dikumpulkan dan dihantar daripada peranti Anda kepada Symantec melalui sambungan Internet:

- Maklumat yang diberikan oleh Anda kepada wakil perkhidmatan Symantec melalui telefon atau dimasukkan oleh Anda ke dalam antara muka dalam talian Symantec apabila meminta Perkhidmatan; dan
- Jenis dan versi sistem pengendalian dan pelayar Internet yang digunakan oleh Peranti anda.

Semasa sesi Perkhidmatan Anda, jika Alat Perisian Sokongan dipasang, maklumat berikut mungkin dikumpulkan oleh Alat Perisian Sokongan dan dihantar kepada Symantec melalui sambungan yang selamat:

- Bilangan fail yang diimbas, ancaman dijumpai, dan ancaman yang dibaiki oleh Alat Perisian Sokongan;
- Jenis ancaman yang dijumpai;
- Bilangan dan jenis ancaman yang masih belum dibaiki oleh Alat Perisian Sokongan;
- Sama ada tembok api adalah aktif;

- Sama ada perisian antivirus dipasang, berjalan, dan terkini;
- Maklumat pelayar termasuk seting keselamatan dan fail sementara;
- Maklumat sistem yang berkaitan dengan sistem pengendalian, ruang ingatan dan cakera, konfigurasi proksi, dan senarai direktori untuk Alat Perisian Sokongan;
- Status keselamatan (baik/serdana/lemah) peranti seperti yang ditentukan oleh Alat Peranti Sokongan;
- Program yang dipasang dan maklumat proses aktif; dan
- Maklumat fail log aplikasi dan data daftaran.

Semua maklumat yang dikumpul seperti yang dinyatakan di atas adalah perlu bagi tujuan menyampaikan Perkhidmatan termasuk menganalisis, mendiagnosis, menyelesaikan masalah yang Anda hadapi, dan mengoptimalkan kefungsiian produk dan perkhidmatan Symantec. Maklumat ini boleh dipindahkan kepada kumpulan Symantec di Amerika Syarikat atau negara lain yang mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang kurang tegas berbanding rantau tempat Anda berada (termasuk Kesatuan Eropah), tetapi Symantec telah mengambil langkah-langkah supaya maklumat yang dikumpulkan, jika dipindahkan, menerima tahap perlindungan yang mencukupi.

Symantec boleh mendedahkan maklumat terkumpul jika diminta berbuat demikian oleh seorang pegawai penguatkuasa undang-undang seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau sebagai respons kepada sepina atau proses undang-undang lain. Untuk menggalakkan kesedaran, pengesanan dan pencegahan risiko keselamatan Internet, Symantec boleh berkongsi maklumat tertentu dengan organisasi penyelidikan dan vendor perisian keselamatan yang lain. Symantec boleh juga menggunakan statistik yang diperoleh daripada maklumat untuk menjejaki dan menerbitkan laporan tentang trend risiko keselamatan.

Butiran penuh dasar privasi Symantec boleh didapati di sini:

<https://www.symantec.com/privacy>

#### **4. Maklumat Penting Lain**

4.1. Penafian Waranti. SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN DAN KECUALI UNTUK WARANTI DALAM SEKSYEN 1.2 DI ATAS, SYMANTEC DENGAN JELAS MENAFIKAN SEMUA PERNYATAAN LAIN, SYARAT DAN WARANTI APA-APA JENIS, TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TANPA BATASAN APA-APA WARANTI KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU ATAU BUKAN PELANGGARAN HAK HARTA INTELEKTUAL. SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN, SYMANTEC SELAIN ITU TIDAK MEMBERI JAMINAN BAHAWA: (I) PERKHIDMATAN DAN/ATAU LAMAN AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA; (II) PERKHIDMATAN DAN/ATAU LAMAN TIDAK AKAN TERGANGGU, TEPAT PADA MASANYA, SELAMAT, ATAU BEBAS RALAT; (III) KEPUTUSAN YANG BOLEH DIPEROLEH DARIPADA PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DAN/ATAU LAMAN ADALAH TEPAT ATAU BOLEH DIPERCAYAI; (IV) KUALITI MANA-MANA PERKHIDMATAN, LANGGANAN, PRODUK, ATAU MAKLUMAT YANG DIBELI ATAU DIPEROLEH OLEH ANDA MELALUI PERKHIDMATAN DAN/ATAU LAMAN AKAN MEMENUHI JANGKAAN ANDA; (V) SEBARANG RALAT DALAM PERKHIDMATAN DAN/ATAU LAMAN AKAN DIBETULKAN; (VI) SEMUA VIRUS AKAN DIALIH KELUAR MELALUI PERKHIDMATAN; ATAU (VII) BERHUBUNG DENGAN PEMBAYARAN BAYARAN BALIK, KETEPATAN MASA BAYARAN TERSEBUT AKAN MEMENUHI JANGKAAN ANDA. SEBARANG ALAT PERISIAN SOKONGAN, BAHAN DAN/ATAU DATA YANG DIMUAT TURUN ATAU SEBALIKNYA YANG DIPEROLEH OLEH ANDA MELALUI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ADALAH MENGIKUT BUDI BICARA DAN RISIKO ANDA SENDIRI. ALAT PERISIAN SOKONGAN DISEDIAKAN "SEBAGAIMANA SEDIA ADA", TANPA SEBARANG WARANTI DAN DISEDIAKAN MENURUT PERJANJIAN PENGGUNAAN ALAT SOKONGAN PERISIAN. SYMANTEC TIDAK MENJAMIN PRODUK PIHAK KETIGA.

4.2. Batasan Liabiliti. SESETENGAH NEGERI DAN BIDANG KUASA TERMASUK NEGARA ANGGOTA DI KAWASAN EKONOMI EROPAH, TIDAK MEMBENARKAN BATASAN ATAU PENGECUALIAN LIABILITI UNTUK KEROSAKAN SAMPINGAN ATAU LANJUTAN MAKA PEMBatasan ATAU PENGECUALIAN DI BAWAH MUNGKIN TIDAK TERPAKAI KEPADA ANDA.



SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN DAN TANPA MENGIRA SAMA ADA APA-APA REMEDI YANG DINYATAKAN DI SINI GAGAL TUJUAN UTAMANYA, DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN SYMANTEC TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA BAGI (A) SEBARANG KEHILANGAN KEUNTUNGAN ATAU DATA YANG BERPUNCA DARIPADA PENYEDIAAN PERKHIDMATAN, (B) SEBARANG KEHILANGAN PENGGUNAAN ATAU KEKURANGAN KETERSEDIAAN PERANTI PENGKOMPUTERAN, MESEJ YANG GAGAL ATAU KESILAPAN PENGHANTARAN YANG TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN ATAU KETIDAKMAMPUAN UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN, ATAU (C) SEBARANG KEROSAKAN KHAS, LANJUTAN, TIDAK LANGSUNG, ATAU KEROSAKAN YANG SERUPA, WALAUPUN JIKA SYMANTEC TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINANNYA KEROSAKAN YANG SEDEMIKIAN. DALAM APA HAL JUA LIABILITI SYMANTEC TIDAK AKAN MELEBIHI JUMLAH HARGA YANG ANDA BAYAR UNTUK PERKHIDMATAN ATAU LIMA PULUH DOLAR (A.S. \$50.00) ATAU JUMLAH YANG SAMA DALAM MATA WANG YANG BERKENAAN.

4.3. Hak Proprietari. Symantec mengekalkan pemilikan semua hak proprietari dalam Perkhidmatan, Laman, Alat Perisian Sokongan, dan dalam semua nama perdagangan, tanda dagangan dan tanda perkhidmatan yang berkaitan atau dipaparkan dengan Perkhidmatan. Anda tidak akan mengalih keluar, mencatatkan atau mengaburkan mana-mana notis hak cipta atau tanda dagangan dan/atau petunjuk atau notis proprietari Symantec lain pada, digabungkan di dalamnya, atau berkaitan dengan Perkhidmatan. Anda tidak boleh jurutera balikan, menyusun berbalik atau sebaliknya menjadikan bentuk boleh dibaca mana-mana Alat Perisian Sokongan dengan Perkhidmatan.

4.4. Force Majeure. Setakat maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, Symantec tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan untuk melaksanakan disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga atau sebab di luar kawalan Symantec yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rusuhan, embargo, tindakan pihak berkuasa sivil atau tentera, serangan pengganas atau ancaman serangan pengganas, kebakaran, banjir, kemalangan, mogok, sekat masuk, kegagalan rangkaian telekomunikasi dan infrastruktur awam atau swasta, atau kekurangan pengangkutan, kemudahan, bahan bakar, tenaga, buruh atau bahan. Sekiranya berlaku sebarang kelewatan sedemikian, Symantec boleh dikecualikan daripada pelaksanaan sedemikian sehingga selama mana ia ditangguhkan atau dihalang oleh sebab sedemikian.

4.5. Peraturan Eksport. Anda mengakui bahawa Perkhidmatan, Alat Perisian Sokongan dan data teknikal dan perkhidmatan berkaitan (secara kolektif "Teknologi Terkawal") boleh tertakluk kepada undang-undang import dan eksport Amerika Syarikat, secara khususnya Peraturan Pentadbiran Eksport A.S. (EAR), dan undang-undang mana-mana negara yang mana Teknologi Terkawal diimport atau dieksport semula. Anda bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan tidak akan mengeksport sebarang Teknologi Terkawal yang melanggar undang-undang A.S. mahupun ke negara lain, entiti, atau orang yang dilarang yang memerlukan lesen eksport atau kelulusan kerajaan lain. Semua produk Norton dilarang untuk dieksport atau dieksport semula ke Cuba, Korea Utara, Iran, Syria dan Sudan dan kepada mana-mana negara yang tertakluk pada sekatan perdagangan yang relevan, termasuk Afghanistan dan Iraq. Anda dengan ini bersetuju bahawa Anda tidak akan mengeksport atau menjual mana-mana Teknologi Terkawal untuk digunakan berkaitan dengan senjata kimia, biologi, atau nuklear, atau peluru berpandu, drone atau kenderaan pelancaran angkasa yang mampu menyampaikan senjata tersebut.

## 5. Umum

A. Undang-undang yang Menentukan. Terma ini akan ditentukan oleh undang-undang England dan Wales. Tiada apa-apa dalam Terma ini akan mengurangkan sebarang hak yang Anda mungkin ada di bawah perundangan perlindungan pengguna yang sedia ada atau undang-undang berkenaan yang lain dalam bidang kuasa Anda yang tidak boleh diketepikan oleh kontrak.

B. Keseluruhan Perjanjian. Terma ini adalah keseluruhan perjanjian antara Anda dan Symantec yang berkaitan dengan Perkhidmatan

dan: (i) menggantikan semua komunikasi, usul dan nyataan lisan atau bertulis yang terdahulu atau serentak berhubung dengan bahannya; dan (ii) mengatasi sebarang terma yang bercanggah atau tambahan bagi mana-mana petikan, urutan, pengesahan, atau komunikasi yang serupa antara pihak-pihak. Terma tersebut akan ditamatkan dengan serta-merta apabila melanggar Terma Anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada: pelanggaran Tanggungjawab Asas Anda, termasuk kewajipan pembayaran dan bukan pindah, di bawah Seksyen 2.1 atau 2.3 di sini, dan/atau pelanggaran hak proprietari Symantec, atau undang-undang import dan eksport yang berkenaan di bawah Seksyen 4.3 atau 4.5 di sini, dan Anda hendaklah dengan serta-merta berhenti

menggunakan Perkhidmatan. Penafian waranti dan kerosakan dan batasan terhadap liabiliti yang dinyatakan dalam Terma ini akan terus kekal selepas penamatan. Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Terma tersebut, atau jika Anda ingin menghubungi Symantec atas sebarang sebab, sila tulis kepada (i) Symantec Customer Support, PO Box 5689, Dublin 15, Ireland. lawati halaman sokongan untuk negara atau wilayah Anda, yang boleh didapati di <https://www.symantec.com/globalsites/>. Symantec tidak akan memfailkan salinan Terma tersebut.

Terma IE VPP/estore ACQ 6.0.2